

**SISTEM EKONOMI DAN ORGANISASI SOSIAL  
BATEK NDONG (NEGRITO), SUNGEI CIKA,  
PAHANG DAN JERANTUT, PAHANG.**

cistes ekonomi orang asli rumput negrito Batek Ndong, Sungai Cika, Jerantut, Pahang. Pengajai juga cuba melihat secara sepihak lalu keadaan ekonomi berhadap organisasi sosial masyarakat tersebut,. Keseleruhan timbul ini mengundungi anak buah. Bah portama menarungkan tentang metodologi, tujuan, teknik dan makalah kajian. Pendahuluan juga dinyatakan dalam bab ini.

OLEH

Bab II mengeksplorasi **MARIAH BTE MOHAMED** cistes ekonomi. Di

dalam bab yang sama juga latarbelakang ekonomi kumpulan Batek Ndong dari masa dahulu hingga sekarang diterangkan,. Jenis-jenis aktiviti ekonomi seperti pertanian pindah, menaruh getah, senburn, mengaruk roti, menangkap ikan dan menjadi buruh kerja dengan taukeh Cina dipertincangkan.

**LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI SYARAT-SYARAT  
UNTUK MENDAPAT IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA  
DALAM JABATAN SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI**  
Borang ini pengajai menyentuh soalan unit pengalaman, penggunaan dan hal-hal penasaran serta peranan orang tengah.

**UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

1973

Konsep organisasi sosial terangkan dalam Bab IV. Pengajai juga melihat keadaan ekonomi berhadap organisasi sosial yang ejud dan ini termasuklah cistes pimpinan dan corak

masyarakat bantuan petribinaan.

### Bab V membentuk SINOPSIS tentang dasar organisasi.

Berdasarkan hasil dilakukan juga kajian-kajian berkenaan dan penilaian.

Tesis ini merupakan sain huraian diskriptif mengenai sistem ekonomi orang asli rumpun negrito Batek Ndong, Sungai Ceka, Jerantut, Pahang. Pengkaji juga cuba melihat secara sepantas lalu kesan ekonomi terhadap organisasi sosial masyarakat tersebut.. Keseluruhan tesis ini mengandungi enam bab. Bab pertama menerangkan tentang metodologi, tujuan, sekop dan masaalah kajian. Pendahuluan juga dinyatakan dalam bab ini.

Rong Ani, dalam proses dan dalam pengalaman beliau juga

Bab II menerangkan tentang konsep sistem ekonomi. Di dalam bab yang sama juga latarbelakang ekonomi kumpulan Batek Ndong dari masa dahulu hingga sekarang diterangkan.. Jenis-jenis aktiviti ekonomi seperti pertanian pindah, menoreh getah, memburu, mengerat rotan, menangkap ikan dan menjadi buruh kasar dengan taukeh Cina diperbincangkan.

Bab III pula menceritakan cara pengeluaran dan penghasilan. Bersamaan ini pengkaji menyentuh soalan unit pengeluaran, penggunaan dan hal-hal pemasaran serta peranan orang tengah.

Konsep organisasi sosial diterangkan dalam Bab IV. Pengkaji juga melihat kesan ekonomi terhadap organisasi sosial yang ujud dan ini termasuklah sistem pimpinan dan corak

masyarakat band patrilineal.

#### INTRODUKSI

Bab V membuat rumusan ekonomi dan sosial organisasi, bersamaan ini dilihat juga unsur-unsur penodenan dan polisi kerajaan dalam membantu orang Batek Ndong ini dalam mencapai taraf hidup yang lebih tinggi seperti bumiputra yang lain di Malaysia. Misi ini saya telah mendapat pertolongan dan kerjasama dari beberapa orang perenorangan dan kumpulan. Sosai mendengar dan kerja...

Bab VI menerangkan situasi ekonomi dan sosial pada masa sekarang dan memberi sedikit sebanyak pendapat dan saran hujah-hujah untuk memperbaikki keadaan hidup orang Asli Batek Ndong ini. Dalam proses ini dapat diperkatakan bahawa hanya dengan penerimaan pengetahuan, teknologi moden serta sikap baru yang ingin memperbaikki keadaan hidup yang "subsistence" sahaja yang dapat menjayakan kumpulan Batek ini mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Saya pada bulan Mei 1975. Ketiga-tiga program tersebut telah memberi bantuan, pendapat dan saran-saran yang amat dibutuh.

Sampai terima kasih juga saya berikan kepada kakitangan kerajaan Jabatan Orang Asli, Jalan Gurney, Kuala Lumpur yang telah memberi sebaik-sebaiknya keterangan serta nota-nota berkaitan orang asli seluruhnya di Malaysia. Akhirnya kepada semua pihak yang pernah memberi pertolongan dan kerjasama sepanjang waktu ini saya usahan rakan berterimakasih. Diharapkan kajian ini akan dapat memberi keterangan yang mendalam sedikit tentang

disemai masyarakat Batik Negeri (Batu Kali dari gunung hingga  
Rengit) Sungai Selangor, Selangor.

PENGHARGAAN

Usaha ini telah dimulakan sejak bulan Mac tahun 1973. Ini adalah untuk mendapatkan ijazah Sarjana Sastera dalam Jurusan Sosiologi dan Antropologi pada sessi 1973/74. Selama penulisan tesis ini saya telah mendapat pertolongan dan kerjasama dari beberapa orang perseorangan dan kumpulan. Semua pertolongan dan kerjasama itu, walau dalam bentuk apa sekali pun telah membolehkan usaha ini dapat dibuat dengan licin dan teratur. Oleh yang demikian saya amat berterimakasih kepada Encik Estaban Magannon yang sudi menjadi pengawas di dalam penulisan ini. Tidak ketinggalan juga ucapan terimakasih saya kepada Cik Wazir Jahan Karim yang sudi menyemak penulisan ini. Ucapan terimakasih saya juga ditujukan kepada Encik Kirk Endicott yang pada mulanya menjadi pengawas saya sebelum beliau pulang ke America pada bulan Mei 1973. Ketiga-tiga pengawas tersebut telah memberi komen, pendapat dan cadangan-cadangan yang amat dihargai.

Ucapan terimakasih juga saya berikan kepada kakitangan kakitangan Jabatan Orang Asli, Jalan Gurney, Kuala Lumpur yang telah memberi serba sedikit keterangan serta nota-nota tentang orang asli seluruhnya di Malaysia Barat. Akhirnya kepada semua pihak yang pernah memberi pertolongan dan kerjasama sepanjang usaha ini saya ucapkan ribuan terimakasih. Diharapkan kajian ini akan dapat memberi keterangan yang mendalam sedikit tentang

ekonomi masyarakat Batek Ndong (Orang Asli dari rumpun bangsa Negrito) Sungai Cekah, Jerantut, Pahang.

Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
1973

MARIAH MOHAMED

1. PENEMUAN DAN PENGEMBARUAN	
1.1. Pendahuluan	
1.2. Metodologi dan Analisis	
1.3. Pendapat dan kesimpulan	
2. KEBUDAYAAN DAN KONSEP DILAKUKAN	
2.1. Pendekatan dan metode	
2.2. Pendekatan sosiologik	
2.3. Pendekatan antropologik	
2.4. Pendekatan psikologik	
2.5. Pendekatan etnografi	
2.6. Pendekatan etnokognitif	
2.7. Pendekatan etnopsychologis	
2.8. Pendekatan etnopsychiatris	
2.9. Pendekatan etnopsychosociologis	
2.10. Pendekatan etnopsychosociopsychiatris	
2.11. Pendekatan etnopsychosociopsychiatris dan etnopsychosociopsychosociologis	
3. KONSEP DILAKUKAN	
3.1. Pendekatan sosiologik	
3.2. Pendekatan antropologik	
3.3. Pendekatan psikologik	
3.4. Pendekatan etnografi	
3.5. Pendekatan etnokognitif	
3.6. Pendekatan etnopsychologis	
3.7. Pendekatan etnopsychiatris	
3.8. Pendekatan etnopsychosociologis	
3.9. Pendekatan etnopsychosociopsychiatris	
3.10. Pendekatan etnopsychosociopsychiatris dan etnopsychosociopsychosociologis	
4. KONSEP DILAKUKAN DAN PENGEMBARUAN	
4.1. Pendekatan sosiologik	

## BAB

## ISI KANDUNGAN

## Muka Surat

I.	A. Pengginneran Padi .....	Muka Surat
	B. Sistem Pengeluaran dan Peranan Orang	
SINOPSIS	C. Sinopsis .....	ii
PENGHARGAAN	D. Penghargaan .....	iv
SENARAI ISI KANDUNGAN	E. Senarai Isi Kandungan .....	vi
SENARAI GAMBAR	F. Senarai Gambar .....	viii
PETA DAERAH KUALA LIPIS - JERANTUT, PAHANG.	G. Peta Daerah Kuala Lipis - Jerantut, Pahang .....	22

## BAB

## EKONOMI BATEK NDONG RANI INI

## I PENGENALAN DAN PENDAHULUAN

A.	Tujuan, Batas dan Sekop Kajian .....	1
B.	Tempat Kajian dan Metodoloji Kajian .....	4
C.	Masaalah .....	9
D.	Pendahuluhan .....	11

## II MASYARAKAT ORANG ASLI DARI SEGI EKONOMI DAN TEORI

A.	Konsep Sistem Ekonomi .....	14
B.	Latarbelakang Ekonomi Batek Ndong .....	23
C.	Bulatan Ekonomi (Economic Cycle) .....	33
	(a) Jenis-Jenis Aktiviti Ekonomi .....	33
	(1) Pertanian Pindah .....	41
	(2) Pertanian Getah .....	48
	(3) Menggerat Rotan .....	51
	(4) Memburu .....	52
	(5) Menangkap ikan .....	59
	(6) Kerja-Kerja sambilan .....	60

## III METODE PENGETAHUAN DAN PENGHASILAN

A.	Sistem Pengeluaran .....	64
----	--------------------------	----


BAB	MUKA SURAT	MUKA SURAT
III		
	B. Penggunaan Padi .....	69
	C. Sistem Pemasaran dan Peranan Orang Tengah .....	71
IV	ORGANISASI MASYARAKAT BATEK NDONG	73
	A. Konsep Organisasi Sosial .....	76
	B. Kesan Ekonomi Ke Atas Organisasi Sosial .....	77
V	EKONOMI BATEK NDONG HARI INI	79
	A. Rumusan Ekonomi dan Sosial Organisasi .....	85
	B. Tinjauan Unsur-Unsur Pemodenan dan Polisi Kerajaan dalam Bidang Ekonomi .....	94
VI	PENUTUP .....	96
	BIBLIOGRAFI .....	99

## SENARAI GAMBAR

## GAMBAR

## Muka Surat

1	Menunjukkan perkampongan (susunan) hayak-hayak Batek Ndong, Sungai Ceka, Jerantut, Pahang.	25a
2	Kelihatan seorang kanak-kanak lelaki sedang berhat-rehat di serambi hayatnya.	25a
3	Seorang lelaki dewasa Batek Ndong sedang menoreh getah.	48a
4.	Seorang lelaki dewasa sedang memesen sekeping getah.	48b
5	Kelihatan dua orang lelaki dewasa Batek Ndong sedang monebas hutan (kerja sambilan)	59a
6	Kelihatan empat kanak-kanak perempuan Batek Ndong sedang tersenyum gembira semasa bergambar di hadapan hayak mereka.	90a
7	Satu contoh kanak-kanak Batek Ndong yang menghidap penyakit perut boncitet kerana 'malnutrition'.	90b



PETA DAERAH K.LIPIS-JERANTUT

## BAB I

### PENGENALAN DAN PENDAHULUAN

#### A. Tujuan, Batas dan Sekon Kajian

Kajian ini telah dibuat di kalangan masyarakat Orang Asli dari rumpun bangsa Negrito yang digelar kumpulan Batek Ndong. Perkara-perkara yang ingin diselidiki ialah sistem ekonomi yang ujud di kalangan kumpulan Batek Ndong ini sejak tahun-tahun yang kebelakangan lagi seperti dalam tahun 1913 semasa penyelidikan tentang mereka dilakukan oleh para-para ahli antropoloji seperti Schebesta dan Evans dalam menyentuh hal-hal demikian secara sepantas lalu. Dari aspek ekonomi yang ujud pengkaji juga ingin melihat perubahan yang berlaku pada masa sekarang iaitu dalam tahun 1973 dan kesan-kesan terhadap organisasi sosial kelompok tersebut. Kajian yang khusus terhadap bidang-bidang tersebut dalam masyarakat ini belum lagi dibuat melainkan disentuh secara sepantas lalu oleh Schebesta dalam bukunya "The Semang",<sup>1</sup> dan Evans dalam bukunya "The Negritos of Malaya".<sup>2</sup> Oleh kerana perlunya kajian yang mendalam tentang masyarakat Orang Asli ini maka kajian ini telah dipilih oleh penulis untuk dikaji.

Pengkajian tentang sistem ekonomi ini dibahagikan kepada dua. Yang pertama ianya berdasarkan ekonomi yang bercorak pertanian seperti getah dan padi dan yang kedua ialah ekonomi yang bukan bercorak pertanian seperti mengerat rotan,

<sup>1</sup> Schebesta, P., The Semang, Among The Forest Dwarfs of Malaya, London. Hutchinson, 1927.

<sup>2</sup> Evans, Ivor H.N., The Negritos of Malaya, Cambridge. Cambridge University Press, 1937.

nemburu, mengail ikan, dan pekerjaan-pekerjaan lain seperti mengambil upah menobas hutan dan kebun buah-buahan dan menjadi buruh kasar dilombong bijih timah yang berdekatan. Daripada sistem ekonomi ini pengkaji juga akan membincangkan cara-cara pengeluaran, penggunaan dan penasaran. Daripada sistem ekonomi tersebut pengkaji cuba melihat kesan-kesannya di atas organisasi sosial kumpulan Batok Ndong ini. Pengkaji ingin melihat bagaimana sistem ekonomi sedikit sebanyaknya dapat menentukan kedudukan kelompok tersebut pada peringkat-peringkat camp, band, tribe serta chiefdom. Ini bermakna bahawa pengkaji secara seimbang lalu melihat cara pentadbiran yang ujud dikalangan kumpulan Batok Ndong pada masa sekarang.

Pada umumnya kita dapat bahawa selalunya tiap-tiap masyarakat melalui proses perubahan ekonomi dari yang bercorak primitif and simple kepada ekonomi industri yang kompleks. Masyarakat juga akan dapat membolehkan sesuatu perubahan ekonomi berlaku dengan adanya pembaharuan dalam cara-cara pertanian seperti teknologi yang bermutu dan ilmu pengetahuan dan kesahiran-kesahiran yang tinggi dalam bidang-bidang tersebut. Berpandukan garisan ini pengkaji cuba melihat sama ada masyarakat Orang Asli ini juga telah mengikuti garisan yang sama atau garisan yang berlainan. Pengkaji juga cuba melihat mengapa kumpulan Orang Asli ini tidak berubah dengan pesatnya dalam bidang ekonomi dalam jangka waktu 60 tahun iaitu dari tahun 1913 hingga 1973. Bagaimana mereka dapat mempertahankan cara-cara ekonomi yang primitif dan organisasi sosial yang simple.

Pengkaji juga ingin menyentuh serba sedikit tentang rancang-rancangan yang telah dan akan dijalankan oleh kerajaan Malaysia dalam membantu Orang Asli dalam bidang ekonomi untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, tisis ini akan membincangkan sistem ekonomi dan kesannya pada organisasi sosial kelompok Batek Ndong ini. Sistem ekonomi ini cuma menerangkan hal-hal ekonomi yang ujud di tempat tersebut. Mengkaji sistem ekonomi berdasarkan pada hal-hal seperti metode pengeluaran dan penghasilan, penggunaan dan pemasaran. Dalam kajian ini juga diperhatikan kehidupan sehari-hari. Selepas membincangkan sistem ekonomi maka pengkaji menumpukan perhatian kepada organisasi sosial kelompok tersebut. Pengkaji ingin melihat bagaimana ekonomi sedikit sebanyaknya dapat menentukan kedudukan kelompok tersebut pada peringkat-peringkat seperti bad, chiefdom, tribu, camp dan lain-lain. Pengkaji secara selayang pandang melihat cara pentadbiran yang ujud di kalangan kaum kelompok Batek Ndong ini. Dalam soal ekonomi ini saya ingin menyatakan perubahan-perubahan yang didapati pada masa sekarang, kalau ada. Pengkaji juga ingin menyentuh tentang rancangan-rancangan yang dijalankan atau akan dijalankan oleh kerajaan untuk meninggikan taraf hidup orang-orang Asli supaya mereka dapat merasa nimat ekonomi yang primitif dalam mengunggah taraf hidup.

dan hak yang sama seperti bumiputra-bumiputra sendiri.

Dalamuraian sistem ekonomi ini juga terbatas pada ekonomi Orang Asli sahaja dan khususnya pada Batek Ndong, Sungai Cheka, Jerantut, Pahang.

#### B. Tempat Kajian dan Metodoloji Kajian

Kumpulan Batek Ndong ini tinggal di negeri Pahang. Mereka tinggal disebuah kawasan pergunungan yang dinamakan Bukit Keladi. Tempat ini letaknya kira-kira 20 batu dari pekan Jerantut dan ianya terletak kira-kira 7 batu dari sebuah kampong kecil bernama Batu Balai. Kawasan ini hanya dapat dilawati dengan melalui 7 batu jalan lori balak dari Batu Balai.

Setibanya di kawasan ini pengkaji ditemui oleh beberapa pondok kecil yang terletak di kawasan "clearing" seluas seekar. Kumpulan Batek Ndong tersebut mempunyai anggota seramai 25 orang. Mereka tinggal dalam 11 buah hayak yang didirikan berdekatan antara satu sama lain dalam bentuk sebuah bulatan. Kelompok Batek Ndong ini diketuai oleh seorang yang agak tua juga yang mereka gelar Batin. Batin tersebut bertanggungjawab dalam memimpin semua anggota kelompok tersebut dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.

Masyarakat Orang Asli ini menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi yang primitif dalam menampong sara hidup

masing-masing. Mereka melakukan sistem ekonomi cukup hidup berdasarkan pertanian pindah, mengumpul buah-buahan hutan dan nongerat rotan dan lain-lain.

Dalam mengumpulkan bahan-bahan mengenai aspek-aspek ekonomi manusia, mengenai gejala-gejala alam, mengenai proses-proses perubahan nemampak, observasi ialah satu metode yang baik dan sesuai. Observasi memungkinkan penyelidik menganati dari dekat gejala-gejala penyelidikan. Penyelidik boleh menjadi sebagai pengamat semata-mata atau secara aktifnya berpartisipasi bersama-sama anggota kelompok tersebut. Selain dari teknik observasi kita dapat dalam bidang yang sama cara komunikasi yang langsung atau wawancara adalah cara yang lazim dan paling efektif dalam metode interview yang berbentuk peribadi kerana iaanya mudah nampak dari luar bahawa untuk itu perlu sekali terjadi perhubungan yang lancar antara penyelidik dan subjek yang diwawancarakan dengan masing-masing menggunakan bahasa dan pengertian yang sama supaya sesuatu pernyataan dapat diterima dengan jelas dalam keadaan biasa tanpa gangguan luar. Komunikasi ini bertujuan mendapatkan data yang dapat dipertanggung jawabkan dan dengan interview pula dapat ditetapkan keadaan atau subjek yang diinterviewkan ditinjau dari sudut data objektif yang telah terkumpul.

Sesuatu kajian ilmiah mestilah dikondalikan dengan cara dan metode yang sistematis dan bermasana agar hasilnya benar-benar memperlihatkan pengumpulan idea-idea yang teratur

dan tersusun didapati dari penemuan-penemuan dan perjumpaan semasa menjalankan fieldwork. Satu daripada metode untuk merekodkan pernyataan dan perujudan sosial ialah dengan cara permerhatian. Goode and Paul Hatt pernah menyatakan:

"..... if he can become a good observer, he will start his investigation with more data at his disposal, be less likely to forget that his object of study is social behavior, and be able to maintain a continual check on his conclusion more easily." <sup>3</sup>

Untuk mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan dalam kajian ini penulis telah tinggal di Bukit Keladi bersama-sama dengan orang asli selama sebulan dari tarikh 9hb Mac hingga 9hb April 1973. Ada tiga cara bagaimana bahan-bahan tersebut didapati:

1. "Participant observation"
2. "Unstructured interview" or "Informal interview"
3. "Direct observation of behavior"

Dalam "Participant observation" pengkaji menjadi sebagai seorang anggota biasa dalam kelompok tersebut. Walau bagaimanapun kita lihat bahawa pengkaji tidak boleh menjadi anggota yang tulin kerana dia tidak dilahirkan di situ. Dia akan menjadi satu kes yang istimewa dari kacamat kelompok itu.

---

<sup>3</sup> Goode W.J. and Hatt, P.K. Method in Social Research, (New York: McGraw-Hill Series in Sociology, 1952) n.s. 119.

Dalam mengambil peranan dalam berbagai aspek sosial kelompok ini pengkaji mengikut seperti perpatah Inggeris yang berbunyi "When you are in Rome, do what the Romans do." Cara-cara domikian akan membolehkan pengkaji mengumpul data-data yang lebih "reliable" daripada yang didapati menerusi keterangan yang digambarkan oleh informen-informen tersebut. Dalam bersama-sama menyertai aktiviti-aktiviti sosial, ekonomi dan budaya, kita dapat bawa pengkaji dapat melihat dengan lebih jelas cara pemikiran, nilai-nilai serta "attitudes" anggota kelompok tersebut.

Metode yang kedua yang diikuti oleh pengkaji ialah cara temuramah atau temuduga yang tidak formal dan tidak diaturkan. Selalunya lebih lama pengkaji tinggal dikelompok tersebut maka lebih tidak formal keadaan temuduganya. Walau bagaimanapun pengkaji sebenarnya hanya dapat tinggal bersama-sama anggota kelompok tersebut <sup>hanya sebulan</sup>, tetapi pengkaji berjaya juga menjalankan kajian untuk mendapatkan bahan-bahan dengan berbual-bual dengan anggota kelompok ini dalam sebarang situasi biasa, mendengar perbualan-perbualan anggota kelompok sesama sendiri, serta membaca "documents" dan lain-lain. Pengkaji terpaksa juga dari masa ke semasa menyoal soalan-soalan yang spesifik berkenaan tajuk-tajuk tetap seperti untuk mendapat data ekonomi pengkaji mestilah menyediakan soalan-soalan khas. Pengkaji juga mestilah menyoal informen-informen yang dipilih yang dapat mewakili kelompok itu. Peraturan temuduga tersebut mestilah disediakan baik-baik dengan mengandungi soalan-soalan yang sesuai dengan bidang yang hendak dikaji. Ini amat mustahak kerana susah bagi

pengkaji untuk "re-interview" anggota kelompok tersebut kerana pengkaji tinggal di tempat yang jauh. Selalunya soalan-soalan yang dikemukakan sebaik-baiknya biarlah yang "open-end". Dengan ini dimaksudkan agar anggota-anggota yang ditemuduga akan dapat memberi jawapan-jawapan yang tulin dan sempurna.

Mengikut cara ketiga ialah dengan melihat secara terus nenerus pola-pola perlakuan. Dengan menduduki bersama-sama anggota-anggota kelompok tersebut pengkaji dapat melihat serta memerhati semua proses kehidupan. Berapa lamanya sesuatu aktiviti ekonomi atau sosial itu dijalankan akan dapat menentukan darjah kepentingannya kepada seorang individu dan kepada masyarakat seluruhnya.

Dari pada ketiga-tiga metode tersebut yang paling banyak sekali memberi data berkenaan latarbelakang sosial, ekonomi dan pentadbiran ialah metode "informal interview". Keterangan-keterangan yang berbentuk "informal interview" dicheatatkan dalam buku harian dan kemudian dirajahkan misalannya dalam bidang ekonomi. Nilai-nilai sosial dapat dari temuramah dan perhatian. Keterangan perangkaan diberi oleh penduduk yang memberikan kerjasama mereka ini menjadi bahan-bahan yang terpenting dalam kajian ini.

Keterangan yang bertulis juga didapati dari buku-buku, jurnal-jurnal, makalah-makalah yang didapati dari Jabatan Orang Asli.

### C. Masaalah

Masaalah terbesar yang dihadapi ialah mendapatkan keterangan-keterangan yang "reliable" dan benar dari penduduk-penduduk kelompok tersebut. Setengah-setengah dari mereka enggan menyatakan sesuatu dengan cara yang berterus terang, terutamanya dalam hal-hal yang bersangkutan dengan upah pekerjaan, hasil tanaman padi dan lain-lain. Kadang-kadang kita dapatti bahawa mereka membesar-besarkan upah yang didapati. Bagi misalannya upah menebas sekar tanah ialah \$22.00 tetapi mereka katakan kepada pengkaji upah itu sebanyak \$60.00 sekar. Kadang-kadang bila pengkaji menyoal mereka tentang pendapatan sehari-hari selalunya mereka cuba sebanyak mungkin menceritakan keadaan susah mereka dan kadang-kadang mereka cuba meminta belas kasihan dari pengkaji. Mereka fikirkan bahawa pengkaji mempunyai wang yang banyak.

Walau bagaimanapun di dalam beberapa kes didapati keterangan-keterangan yang diberi oleh anggota-anggota kelompok tersebut bertentangan antara satu sama lain. Kadang-kadang apabila soalan yang sama ditanyakan pada informen yang sama pada masa yang berlainan pengkaji dapatti bahawa jawapan yang diberi berbedza. Oleh demikian untuk membentulkan masalah tersebut pengkaji terpaksa membuat anggaran-anggaran yang kasar, misalannya tentang pendapatan dari jiran-jiran, saudara mara dan juga dari orang-orang yang mereka mengambil upah.

Satu lagi masalah yang amat penting ialah berkenaan dengan masa tenurahan. Pada siang hari pengkaji tidak dapat menjalankan temuduga kerana semua anggota kelompok ini tidak ada diheyak masing-masing. Mereka dan keluarga selalunya pergi ke hutan pada pukul 6 pagi dan pulang ke hayak pada kira-kira pukul 5 atau 6 petang. Oleh demikian temuduga hanya dapat dijalankan pada malam hari. Ini menimbulkan masalah dalam menulis butir-butir yang diberi kerana kedaan pelita yang tidak terang. Kadang-kadang informen-informen utama tidak mempunyai masa yang banyak untuk menjayab soalan-soalan yang dikemukakan. Separuh dari anggota tersebut tidak berapa cergas dalam memberi keterangan-keterangan selanjutnya kerana letih bekerja pada siang harinya. Yang menjadi masalah yang lebih besar ialah kekurangan informen, kerana kebanyakkan anggota-anggota yang disoal tidak dapat memberi jawapan kerana mereka tidak tahu hal-hal demikian dan selalunya mereka menyuruh pengkaji bertanya pada Batin.

Dalam menjalankan temuduga tersebut pengkaji dapati tindakbalas yang nemuaskan hanya dari kaum lelaki dan tindakbalas yang amat sedikit dari kaum perempuan. Kaum lelaki lebih memberikan kerjasama dalam semua bidang. Mereka lebih fasih dalam bahasa Malaysia dari kaum perempuan. Oleh demikian mereka dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan sempurna dari kaum perempuan. Kaum lelaki lebih memahami tujuan penyelidikan yang dijalankan.

Masaalah yang paling penting yang dihadapi oleh pengkaji ialah masa yang amat singkat serta kajian dijalankan pada masa yang lenggang dalam perjalanan aktiviti ekonomi kerana pengkaji datang pada musim "off-season". Oleh demikian pengkaji tidak dapat turut serta dalam aktiviti-aktiviti ekonomi seperti menanam padi etc. Tetapi keterangan tentang perkara ini telah tepat disempurnakan melalui keterangan-keterangan yang sejelas-jelasnya dari beberapa informen terutama dari Batin sendiri.

#### D. Pendahuluan

Di seluruh Tanah Melayu ini ada kira-kira 45,000 Orang Asli. Kebanyakannya daripada mereka itu kedapatan di sebelah Utara negeri-negeri Perak dan Pahang yang masing-masing mempunyai penduduk orang Asli kira-kira 15,000 orang dan 5,000 orang di Kelantan. Selangor dan Negeri Sembilan masing-masing mempunyai 3,000 orang penduduk Orang Asli. Lebih kurang 2,000 dari mereka diam di negeri Johor. Kedapatan juga gulungan-gulungan kecil yang mengandungi kira-kira beratus-ratus orang terserak di antara negeri-negeri Melaka, Kedah dan Trengganu. Oleh demikian boleh dikatakan bahawa Orang Asli terdapat diseluruh Tanah Melayu kecuali di negeri-negeri Perlis dan Pulau Pinang.

Phillipina dan Irlandia.

Pada masa ini satu teori berkaitan dengan kedatangan Orang-orang Negrito ke sini telah mengesahkan bahawa orang-orang Negrito ini telah datang ke mari kira-kira 25,000 tahun yang lalu.

Mereka dianggap sebagai orang asli yang tertua sekali di Tanah Melayu tetapi kita dapatilah bahawa mereka tergulung dalam gulungan yang terkecil sekali.

Mereka ini kecil bentuk badannya, hitam warna kulitnya dan rambutnya kerinting macam bulu domba. Mereka mempunyai perasaan muka dengan orang-orang Negro di Afrika. Suku-suku bangsa Negrito ini terdiri dari orang-orang Kensi, orang Kintak, orang Jahai, orang Mondroq dan orang Batek. Bangsa Negrito ini sentiasa dalam hidup mengembara dan tidak mempunyai tempat kediaman yang tetap kerana sentiasa berpindah randah dari satu kawasan kekawasan yang lain. Sambil mengembara mereka berburu dan mengumpulkan buah-buahan dan akar-akar hutan. Kadang-kadang mereka dapat kerja di kampong-kampong yang terpencil letaknya dan tinggal di sana untuk beberapa bulan.

"Bangsa Negrito ini biasanya tidak suka berladang dan oleh demikian dari segi social dan ekonomi mereka inilah bangsa yang sangat terkobelakang dari orang-orang asli yang lain dan memang susah membiasakan mereka itu kepada cara hidup yang lebih menetap."

Selain daripada mereka kita boleh dapati bangsa yang serupa di negeri-negeri lain seperti orang-orang asli di Pulau Andaman, Phillipina dan Irlandia.

Didapati bahawa hanya orang-orang Negrito di utara Tanah Melayu yang benar-benar pengembara. Tetapi pada akhir-

akhir ini mereka telah beransur-ansur menyesuaikan diri masing-masing dalam bidang pertanian. Mereka ialah peladong yang sentiasa berpindah-pindah. Mereka sentiasa membuka tanah baru di keliling tempat mereka itu pada tiap-tiap tahun untuk dijadikan ladang. Kadang-kadang kita pernah juga lihat mereka tinggal di satu tempat kira-kira 5 hingga 10 tahun lamanya. Walau bagaimanapun mereka tidak dapat menetap selama-lamanya kerana bercocok tanam yang berpindah-pindah ini memerlukan tanah yang sangat luas untuk dibuka pada tiap-tiap tahun dan ini bertentangan dengan cara hidup yang menetap.

Makanan orang Negrito Batok Ndong ini yang utama ialah ubi kayu, padi huma, dan jagong. Mereka juga menanam tanaman-tanaman yang tidak begitu penting seperti pisang, tebu, lada dan lain-lain. Bahan-bahan makanan mereka dilengkap lagi dengan buah-buahan hutan, sayuran seperti pucuk paku, cendawan (kulat tahan), ikan dan binatang-binatang buruan.

Orang-orang Negrito kerana cara hidup mereka semata-mata menggabung naka organisasi sosialnya amatlah sederhana bentuknya.

"Money is the mechanism of a society, the permanent goal of an economic system - production of goods and services for the satisfaction of human wants."

## BAB II

### MASYARAKAT ORANG ASLI DARI SEGI EKONOMI DAN TEORI

#### A. Konsep Sistem Ekonomi

Perkataan ekonomi memberi maana kepada semua susunan-susunan dan proses-proses yang mempunyai tujuan untuk memenuhi secara tidak terus-menerus semua kemahuan-kemahuan manusia. Apa yang dimaksudkan di sini ialah proses-proses dan bertujuan untuk menyediakan barang-barang yang diperlukan oleh setiap manusia. Bersamaan dengan kegiatan-kegiatan ekonomi ini ada pula aktiviti-aktiviti yang bukan ekonomi yang dapat memberi kepuasan dengan cara terus-menerus. Aktiviti-aktiviti tersebut terdapat di kalangan manusia dan binatang. Kalau ditinjau dari penjuruh yang materialis iaitu sebagai yang bergantong kepada alam sekeliling dan proses ini juga memperlihatkan keadaan material ekonomi dalam kehidupan manusia. Apabila dilihat dari aspek sosial ianya dipengaruhi oleh manusia sesama manusia dan ini termasuk ke dalam ekonomi sosial manusia. Oleh demikian ekonomi kebendaan ini termasuklah pengeluaran barang-barang dalam erti kata teknikalnya. Mengikut Parsons dan Smelser dalam bukunya "Economy and Society",

"Economy is the sub-system of a society.

The paramount goal of an economic system - production of goods and services for the satisfaction of human wants."<sup>4</sup>

<sup>4</sup> Parson, T. and Smelser, N.J., Economy and Society, London, Routledge and K. Paul, 1956. n.s. 13.

Seluruh kemahuan akan disempurnakan melalui beberapa proses pengeluaran. Benda-benda yang diperlui dalam tiap-tiap pengeluaran adalah seperti berikut:

1. satu kawasan tanah yang sesuai
2. tenaga kerja yang mencukupi
3. "the possibility of procuring the requisite material means of production".

"Some modern writers seems to be of the opinion that primitive people can find with little or no effort all that they need, and the declare that the work required of the men falls far below that which is demanded of the women. It seems to be almost universally accepted and thought that agricultural labour falls upon the women. Eduard Hahn rates very low the amount of labour required, it is exclusively male work clearing the forestland. In his book "Das Alter der wirthschaftlichen Kultur der Menschheit (page 33) he says "It is only occasionally that this labour calls for great exertion, and it is not without its attractions. It is not lonely, work, many are engaged in it together indeed, it has in some ways a festive character. What is more, it is a work of destruction a kind of work in which man takes delight."<sup>4a</sup>

Komoditis bermakna semua bahagian-bahagian yang berasingan dari alam semula jadi yang membentuk unit-unit bersendirian yang digunakan sebagai alat-alat untuk memenuhi dan menyempurnakan secara tidak langsung sesuatu kehendak.

---

<sup>4a</sup> Schmidt, Primitive Races of Mankind, New York. Kraus Reprint Company, 1971. m.s. 103.

Pengeluaran primitif ialah bentuk aktiviti yang mempunyai hasil untuk menuju matlamat dalam menyediakan bahan-bahan mentah. Tiga jenis dalam mendapatkan bahan-bahan mentah adalah seperti berikut:

1. dari dunia tumbuh-tumbuhan
2. dari dunia binatang
3. dari "inanimate nature"

Bahan-bahan mentah yang diperolehi dari dunia tanaman mengikut dua cara iaitu pungutan dan pertanian. Dalam bidang pungutan manusia selalunya mencari dan mengumpul barang-barang di tempat-tempat di mana alam semulajadi menyediakan untuk mereka. Dalam pertanian pula manusia mencari bahan-bahan tanaman-tanaman untuk menambahkan kehidupan yang subur dengan membaikkan keadaan tanah yang semulajadi.

Dikalangan orang-orang primitif kedua-dua cara ini dijalankan bersama. Orang-orang primitif yang menjalankan pertanian selalu juga menggunakan cara pengumpulan dalam mendapatkan bahan-bahan mentah yang digunakan bukan untuk bahan makanan. Misalannya kayu.

Proses pengumpulan bahan-bahan mentah tanaman boleh didapati dari tanaman-tanaman liar. Barang-barang yang dikumpulkan diambil dari bahagian tanaman tersebut-buahnya, benchnya, isinya atau ubinya yang digunakan sebagai bahan

makanan. Kayu pokok tersebut digunakan sebagai kayuapi atau sebagai alat mentah dalam pengeluaran barang-barang untuk diguna, kulit pokok dibuat dinding rumah, dan batangnya digunakan untuk membuat atap. Proses pengumpulan ini membawa kepada hanya sedikit saluran pengeluaran. Alat yang digunakan umum dalam satu-satu pengeluaran ialah kayu penunggal. Ianya digunakan untuk semua tujuan - untuk mengali akar-akar, ubi-ubi dan juga untuk menjelok buah-buahan.

Bahan-bahan mentah binatang boleh didapati dari dua cara iaitu mengambil binatang tersebut sebagaimana disediakan oleh alam semulajadi dan dengan memelihara binatang-binatang itu sebagaimana ianya didapati dan sesuai dengan tujuan yang dinaksudkan. Kedua-dua cara ini termasuklah memburu dan menangkap ikan.

Yang berikut ini adalah metode-metode utama yang digunakan iaitu buluh cumpitan. Ianya dibuat dari satu kopong rotan atau "palm wond", berukuran 3 hingga 4 elai panjang. Ianya kadang-kadang dicocok di kedua-dua hujungnya atau dipotong "longitudinally into halves". Iei "pith" dikeluarkan dan ianya dilekatkan bersama-sama semula. Tube ini ada "mouth piece" yang dibuat dari kayu. Satu ikat anak panah senipis jarum digunakan sebagai peluru. Anak-anak panah ini kemudian akan dihembus keluar saluran tube tersebut dengan menggunakan segala kekuatan paru-paru yang pemburu terdaya.

Dalam beberapa perbincangan-perbincangan tentang ekonomi masyarakat primitif hanya tentang keluaran barang-barang makanan sahaja yang diperincikan. Ini disebabkan oleh pemikiran abad lepas yang dikuasai oleh teori-teori Darwin dan Spencer yang mengatakan bahawa kebudayaan berkembang mengikut satu garisan sahaja. Bersamaan dengan perkembangan teori tersebut kita dapati bahawa ekonomi juga dikatakan mengikut satu garisan juga. Ini membawa kepada teori "3 stages" di mana semua perkembangan ekonomi masyarakat primitif berkembang mengikut satu evolusi yang bermula dengan penburuan kepada penternakan dan seterusnya kepada pertanian. Pendapat ini masih ada pada masa ini.

Terdapat berbagai kritik-kritik tentang teori tersebut. Seorang daripada mereka ialah Edward Hahn yang mengutarkan pendapat-pendapat berikut:

- (1) Metode untuk menghancurkan tanah mestilah ditinjau mengikut sama ada "hoe" dan "digging-stick" yang digunakan atau "ox-drawn plough" yang digunakan. Dengan demikian dia membezakan di antara "hoe" dan "plough" cultivation.
- (2) "Hoe-cultivation" tidak boleh dianggap sebagai langkah evolusi dalam perkembangan penternakan. Ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan adat istiadat kaum perempuan dalam mengumpul buah-buahan dan akar-akar.

(3) Dia juga menitikberatkan peranan wanita dalam menyediakan keluaran harian yang berkerapan.

(4) Dia juga mengemukakan adanya tujuan ugama dalam kegunaan "oxen with the plough" seperti juga untuk rekaan "wheel and cart".

Batu daripada ciri-ciri masyarakat primitif adalah Tidak dapat dinafikan bahawa pengeluaran bahan-bahan makanan amat penting dan iaanya memerlukan tenaga yang banyak di bidang ekonomi di kalangan masyarakat primitif daripada masyarakat kita hari ini. Dalam ilmu ekonomi ini bukan hanya terhad pada pengeluaran bahan-bahan makanan sahaja. Ekonomi sebenarnya bukan hanya berkenaan arah "instincts" bersamaan dengan rancangan-rancangan dan perhitungan individu. Perkataan ekonomi membawa implikasi sosial yang membicarakan bernacam-nacam manusia sebagai sebahagian-bahagian sebuah jentera yang saling berkaitan. Ekonomi masyarakat kecil selalunya terdiri dari ekonomi satu rumah tangga. Micalapnya dikalangan masyarakat tani, sendara mara serta jiran-jiran saling tolong-menolong antara satu sama lain dan akan mendapat bantuan yang sebaliknya. Ini ialah satu manifestasi di sebalik prinsip bahawa "labour freely given for payment in kind". Korjasama ini juga boleh didapati dikalangan kumpulan pemburu dan komuniti perternakan. Perhubungan perdagangan juga mengikut prinsip yang sama. Dalam kehidupan primitif kaitan antara rumah tangga dan komuniti sangat rapat.

Selain daripada menyentuh cara-cara mengeluarkan bahan makanan, ekonomi juga dikaitkan dengan kerja buatan tangan serta aktiviti-aktiviti khas untuk lelaki dan perempuan patut dipertimbangkan. Dalam memahami ekonomi ini kita mestilah berfikir dalam konteks masyarakat tersebut.

Satu daripada ciri-ciri ekonomi primitif ialah dengan tidak ujudnya sebarang konahuan untuk membuat keuntungan baik dari segi penghasilan maupun pertukaran. Jikalau mata wang didapati di sini ia sebenarnya memenuhi fungsi yang berlainan daripada yang terdapat dikalangan masyarakat moden zaman sekarang. Berikutnya kita dapati bahawa dalam segala pertukaran ekonomi selalunya diberi penekanan lebih kepada mutu dan jenis bahan-bahan yang benar-benar ujud dan bukan nilai yang ganjil. Oleh demikian cita-cita individu tidak dihalakan kepada pengumpulan harta benda tetapi ianya lebih berminat dan menentingkan jenis pokerjaan.

Dalam tiap-tiap masyarakat primitif semua bidang kehidupan dicantunkan menjadi satu kesatuan. Ini disebabkan oleh masa yang agak lama dalam penyesuaian pemikiran dan undang-undang kehidupan terhadap keadaan teknik. Selalunya dalam pengembalaan mereka tidak terdapat perubahan dalam penambahan pengetahuan, komahiran serta kecekapan teknik. Mereka bergerak "spiritually and socially" i.e. lebih berdasarkan satu bulatan dari "progressive line".

Kemajuan memerlukan perhubungan dan pencampuran cadangan-cadangan, institusi-institusi, dan manusia sebagai penunjuk. "Progress is a rhythm of human life, not a mechanical line and it passes through stages of impregnation, of consolidation and of dissolution."<sup>5</sup>

Ekonomi ditentukan oleh dua faktor utama iaitu:

- Keadaan 1. geographika  
2. sosial

Dalam pembahagian pekerjaan antara kedua-dua jantina, kita dapat i bahawa organisasi yang sistematik berkenaan dengan jelas ternampak fungsi antara kaum lelaki dan wanita. Ini juga telah melibatkan perkara-perkara pekerjaan tangan dan juga dalam penggunaan "tools and implements". Kadang-Kadang dalam kehidupan primitif terdapat berbagai-bagai institusi-institusi yang dikhaskan kepada satu jantina sahaja. Misalannya dalam sesebuah komuniti di mana kaum wanita menyediakan bahan-bahan makanan dengan menggunakan "digging-stick" ini memberi implikasi bahawa masyarakat tersebut menyusur galor keturunan mengikut ibu. Di dalam komuniti penternakan pula didapati bahawa bahan-bahan utama ialah hasil penternakan yang dipekerjakan oleh kaum lelaki selalunya keturunan mengikut pehak bapa.

Di dalam satu-satu ekonomi di mana seseorang individu dan keluarga di mana mereka saling bergantungan selalunya dipanggil satu ekonomi sosial. Ekonomi sosial ini bersangkut

<sup>5</sup> Thurnwall, R., Economics in Primitive Communities, Anthropological publications Oxford University Press, 1965. m.s. XIV

paut dengan apa yang dikatakan oleh ahli-ahli sains sebagai institusi-institusi. Tiap-tiap institusi ialah satu set yang mengandungi norma-norma, undang-undang perlakuan atau cara pemikiran yang sudah ujud. Harta, syarikat perniagaan, rumah tangga, kerajaan, wang, cukai pendapatan, perancangan, dan persatuan buruh adalah misalan-misalan institusi-institusi ekonomi. Set institusi-institusi yang bercorak ekonomi berkumpul menjadi satu sistem ekonomi. Satu unit ekonomi ialah satu kumpulan individu yang boleh merupakan satu keluarga nuklear, sebuah firma, satu persatuan buruh dan kesemua ini dicampur bersama untuk tujuan ekonomi yang sama. Seorang agent ekonomi selalunya menjalankan satu fungsi ekonomi yang tertentu. Misalan sebagai seorang pekerja, pembeli, pengeluar, penanam modal dan perancang.

Sistem ekonomi selalunya berkongaan dengan persoalan-persoalan seperti berapa banyak mereka hendak keluarkan, mengeluarkan dalam bentuk bahan-bahan dan sumber-sumber pokorjaan untuk semua orang dan untuk tiap-tiep individu. Pilih dari gross pendapatan dan perbelanjaan. Kemudian boleh dipecahkan kepada keluaran pertanian dan perindustrian. Termasuk juga labour productivity: national product per person employed or industrial production per man-hour. Termasuk juga masa rehat.

B. Intarbelakang Ekonomi Batek Ndong

Batek Ndong ialah sekumpulan orang Negrito yang tinggal kira-kira 20 batu daripada bandar Jerantut, Pahang. Tempat tersebut letaknya kira-kira 7 batu daripada Batu Balai, Jerantut. Tempat ini juga adalah di dalam kawasan hutan belantara dan hanya boleh dimasuki melalui jalan lori balak. Kumpulan Batek ini terbahagi kepada empat iaitu Batek Heb, Batek Kleb, Batek Hovenget, Batek Ndong.

Mengikut sejarah yang diperolehi dari keterangan Batin serta anggota kelompok tersebut bahawa pada mulanya mereka tinggal di Bukit Kelambu yang berhampiran dengan Sungai Son. Jumlah anggota kelompok besar mereka ialah seramai 200 orang. Oleh kerana mereka diserang penyakit mata banyak daripada mereka telah meninggal dunia. Pada masa yang sama juga mereka ditimpa oleh banjir. Hasil-hasil tanaman mereka habis musnah dan ini menyebabkan barang makanan yang tidak mencukupi. Keadaan yang buruk seperti ini telah menambahkan lagi kadar kesatian dikalangan kumpulan Batek Ndong tersebut. Untuk menjauhkan diri daripada bencana alam tersebut mereka terpaksa berhijrah ke kawasan-kawasan pergunungan yang lebih tinggi dan lebih selamat.

Pada masa sekarang kita dapati bahawa kumpulan Batek Ndong in tinggal di Bukit Koladi berhampiran dengan Sungai Cheka.

Kumpulan ini tidak lagi merupakan satu kelompok yang besar seperti dahulu tetapi ianya sekarang telah berpecah-pecah kepada beberapa kelompok kecil yang dipanggil band. Kumpulan Batek Ndong ini terdiri daripada 4 band. Kedudukan band tersebut adalah seperti berikut:

<u>No.</u>	<u>Band</u>	<u>Ketua</u>	<u>No. Nuklear Famili</u>	<u>Anggota</u>
1	Batin		5	25
2	Puten Eteng		3	17
3	Penghulu		3	15
4	Menteri		3	15

Nota: Satu band paling sedikitnya mengandungi tiga generasi keluarga luas.

Anggota-anggota kumpulan Batek Ndong yang dikaji ialah daripada band satu yang di bawah jagaan seorang ketua yang digelar Batin Gonchang. Band pertama ini mengandungi 25 orang.

Susunan sosio-politik kumpulan Batek Ndong tersebut tidaklah sekompleks organisasi politik yang terdapat di masyarakat moden sekarang. Walau bagaimanapun kita dapat melihat bahawa hirarki politik mereka boleh dikesan seperti berikut:

Batin: Menduduki tempat yang tertinggi sekali dalam susunan sosio-politik. Tugasnya ialah untuk:

- (a) menjaga anak buah

- (b) menyelesaikan perbalahan
- (c) menetap, menyusun serta mengesahkan perkahwinan
- (d) dalam bidang ekonomi dia sebagai seorang "decision-maker" iaitu menentukan bila, di mana, bagaimana sesuatu ladang harus dibuat. Dia juga akan menentukan penghulusan pekerjaan iaitu siapa sepatutnya menoreh setah, mengerat rotan, menanam padi, menebas hutan dan sebagainya. Dalam hal pemasaran pula dia akan berhubung dengan orang tengah iaitu taukeh Cina dan pekedai-pekedai Melayu. Dia juga membuat kontak dengan kumpulan lain seperti kumpulan Jahut di Sungai Kiol, Batu Balai, Jerantut, Pahang.
- (e) melakukan upacara jampi di dalam kelompok tersebut dalam bidang sosial dan ekonomi.

Pada praktiknya didapati bahawa Batin ialah seorang ketua yang:

- (i) tidak ada real power
- (ii) tidak ada keuntungan dari segi kebendaan
- (iii) tidak mempunyai "emblem" pejabat
- (iv) tidak ada "executive power"
- (v) memerintah melalui sasiah sendiri

Nota: Ketua kumpulan Batek Ndong iaitu Batin Gonchang mendapat perlantikannya pada tahun 1958. Dia diberi surat kuasanya oleh pegawai daerah Kuala Lipis, Pahang yang mengwakili Sultan Pahang. Mengikut Batin kerajaan Pahang memberinya sebanyak 40 ringgit setahun.

Mengikut Batin selalunya anak lelaki yang sulung sahaja yang boleh menjadi batin untuk menggantinya bila dia meninggal. Jadi daripada keterangan yang diperolehi kita dapat memberi kesimpulan bahawa kedudukan batin adalah diturunkan daripada ayah



Gambar 1: Menunjukkan perkampungan (susunan) hayak-hayak Batek Ndong, Sungai Ceka, Jerantut, Pahang.



Gambar 2: Kelihatan seorang kanak-kanak lelaki sedang berehat-rehat di serambi hayaknya.

kepada anak.

Pada praktiknya kita dapati bahawa batin tidak boleh membuat sebarang keputusan tanpa berunding dengan anggota-anggota kelompoknya terlebih dahulu. Di sini telah jelas kelihatan unsur-unsur demokrasi dipraktikkan. Walau bagaimanapun yang penting dalam membuat semua keputusan ialah kaum lelaki sahaja bukan kaum perempuan.

#### Taburan Penduduk

Kelompok Batek Ndong yang dikaji mempunyai penduduk seramai 25 orang (band 1). Mereka tinggal di dalam pondok-pondok kecil yang mereka gelar hayak. Jumlah hayak yang didapati di dalam kelompok ini ialah 11 buah. Hayak-hayak tersebut adalah berhampiran antara satu sama lain. Jaraknya antara satu sama lain ialah lebih kurang 15 kaki. Hayak-hayak tersebut dibina dalam satu kawasan hutan yang telah dibersihkan. Kawasan ini meliputi kira-kira empat ekar. Hayak-hayak tersebut disusun seolah-olah sebagai sebuah bulatan. Susunan kesebelas hayak ini jika dilihat dari udara adalah seperti berikut:

SUSUNAN HAYAK-HAYAK BAND 1 BATEK NDONG

9  
7

10

11

5  
4

6

3

8

1

2

Nota: Hayak-hayak kelihatannya susunannya seperti di atas kalau dilihat dari udara.

Hayak-hayak tersebut diduduki oleh:

Hayak No. 1 - Kepunyaan Batin Gonchang

Hayak No. 2 - Kepunyaan Bede (anak lelaki Batin Gonchang)

Hayak No. 3 - Kepunyaan Teton (anak lelaki Batin Gonchang)

Hayak No. 4 - Kepunyaan Bakok dan isteri serta 1 anak.

Hayak No. 5 - Kepunyaan Balang dan isteri serta 5 anak.

Hayak No. 6 - Kepunyaan Yasaloq.

Hayak No. 7 - Akek, Minah dan Sit.

Hayak No. 8 - Tegoh dan 1 anak.

Hayak No. 9 - Tet dan Lihun.

Hayak No. 10 - Gundat, Lipod serta isteri dan 1 anak.

Hayak No. 11 - Tanjong dan 2 anak.

Nota: Semua anggota kelompok di atas adalah collaterals.

Hayak ialah sebuah pondok kecil yang mengandungi sebuah bilik dan serambi tersebut dibuat dapor. Dapor ini diperbuat daripada susunan dua tungku batu yang dialas dengan sekeping zeng. Mereka guna kayuapi yang mereka dapat dalam hutan.

Hayak ini dibuat kira-kira dua atau tiga kaki tingginya dari tanah. Dindingnya diperbuat daripada kulit-kulit kayu pokok kepong. Bumbong pondok itu dibuat dari daun pokok. Lantainya mengandungi susunan batang kayu kocil seperti pokok leban dan kadang-kadang digunakan buluh yang sudah dikerat atau yang sudah dibelah.

Batin dapat tiga ekar, isterinya tiga ekar, tiga ekar untuk Mantori, dan tiga ekar untuk anggota yang lain. Ketika

Warisan dan Harta

Tiap-tiap anggota Batek Ndong tidak mempunyai harta benda atau barang-barang yang banyak. Selalunya satu kelamin mempunyai sebuah hayak serta beberapa alat masak seperti periok, cerek, pinggan ayan, dan tikar mengkuang. Selain daripada ini kita dapat alat-alat seperti buluh sumpitan, parang puting (atau parang peletong), kapak, beg untuk isi ikan dibuat daripada anyaman rotan belah ambong dan ianya diguna juga untuk mengisi barang-barang lain. Ada kalanya beg tersebut dijual dengan harga tiga ringgit sebuah.

Mereka mempunyai barang-barang yang amat sedikit kerana ini akan membolehkan mereka pergi ke hutan dengan tidak merasa bimbang meninggalkan rumah kerana semua perkakas rumah serta alat-alat senjata dibawa bersama masuk ke hutan.

Kelompok Batek Ndong ini mempunyai dua belas ekar ladang padi huma (padi bukit) dan dua belas ekar ladang getah. Mereka bekerja secara borgotong royong menanam dan menuai padi. Hasil padi tersebut dibahagikan antara mereka mengikut kadar pekerjaan masing-masing iaitu yang kuat serta rajin bekerja dapat hasil padi yang banyak.

Kebun getah yang dua belas ekar dibahagikan seperti berikut: Batin dapat tiga ekar, isterinya tiga ekar, tiga ekar untuk Menteri Wes dan tiga ekar untuk anggota yang lain. Kebun

getah tersebut letaknya kira-kira tiga batu daripada Bukit Keladi iaitu ditempat yang bernama Bantal.

Dalam hal pewarisan harta didapati bahawa kelompok ini menekankan sistem "bilateral" (kedua belah pihak).

Misalannya, isteri Batin mempunyai tiga ekar ladang getah dan selepas dia meninggal dunia dibahagikannya kepada Batin serta kedua-dua anak lelaki dan seorang anak peremuannya. Harta pusaka tidak boleh diwariskan kepada orang-orang luar kelompok itu.

#### Kawasan Kelompok Yang Diwariskan

Tiap-tiap kelompok Batek mempunyai tanah warisan yang dilengkapi dengan tempat pemburuan, menangkap ikan dan hak keluaran hutan serta hak istinewa untuk menebang pokok dan menebas hutan untuk bercucuk tanam. Tanah warisan ini selalunya mengandungi satu bahagian sungai termasuklah tanah dikedua-dua tebing sungai itu sampai ke "watershed".

Dalam kelompok ini tiap-tiap individu mempunyai hak perseorangan serta hak kelompok dalam kawasan kelompoknya. Individu tersebut berhak menjalankan apa-apa pekerjaan di bawah arahan ketuanya, Batin dalam berladang dan kerja hutan. Sebagai seorang anggota kelompok dia mempunyai hak memburu dan memancing dalam kawasan kelompoknya serta menungut buah-buahan daripada pokok-pokok didalamnya.

Ada satu undang-undang yang ujud mengenai kawasan warisan ini. Undang-undang tersebut menyatakan seseorang yang berpindah dari satu komuniti ke komuniti lain akan kehilangan kesemua hak di dalam kelompoknya. Yang tinggal hanyalah pokok buah-buahannya. Kalau seseorang itu diterima menjadi anggota sesuatu kelompok maka dengan cara automatik dia memperolehi hak sepenuhnya dalam kelompok tersebut.

#### Kehidupan sehari-hari orang-orang Negrito, Batek Ndong

Tiap-tiap hari kaum lelaki akan pergi keluar membawa anak panah dan alat sumpitam. Kadang-kadang mereka pergi untuk menangkap ikan dengan membawa bersama-sama mereka bekul-bakul, lembing-lembing dan racun akar tuba. Sementara kaum lelaki memburu kaum perempuan serta anak-anak mereka mencari buah-buahan hutan dan keladi-keladi liar dengan menggunakan kayu penunggal. Jadual aktiviti-aktiviti ini dijalankan dan hanya terhalang pada musim buah-buahan bila tempat kediaman kadang-kadang beraleh di bawah pokok-pokok tersebut. Bahan makanan mereka mengandungi durian, rambutan, petai dan (juga kepada pejelmaan satu bangsa) cendawan yang digelar "kulat tahan" dalam bahasa Batek.

#### JADUAL KERJA HARIAN ORANG BATEK NDONG

<u>Kerja Pertanian</u>	<u>Kerja-Kerja Lain</u>	<u>Bahan Makanan Utama</u>
Mencari tanah ladang baru dan 2-3 ekar	anggota lain memungut buah-buah hutan dan mengerat rotan dan gum hutan.	ubi kayu dari tahun lalu, ikan dan akar-akar.

<u>Kerja Pertanian</u>	<u>Kerja-Kerja Lain</u>	<u>Bahan Makanan Utama</u>
Tempat berladang dibakar dan ditanam jagong, padi bukit, ubi kayu, keledek dan keladi.	Tempat kediaman sementara dibuat musim buah	ubi kayu dari tahun lalu, ikan dan akar-akar.
"weeding"	musim buah	sama dan nemungut buah-buahan hutan.
Menuai padi	musim durian	sama dan tanam jagong.
sama	menangkap ikan hasil hutan dan menjualnya.	padi, jagong dan buah-buahan

#### Hak Perseorangan

Selalunya tiap-tiap tuan rumah mempunyai alat-alat sumpitan, bakul-bakul untuk dipikul disimpan di bawah "thatch" atau antara "thatch" dengan penuhannya atau digantung di bawahnya.

Mereka mempunyai parang penetak seperti orang-orang Melayu yang digunakan untuk memotong daging. Sendok kayu digunakan untuk mengodak nasi semasa memasak. Keping-keping rotan (rotan seni panggilan orang-orang Melayu) dengan duri di bawahnya yang berkaitan digunakan untuk mengoyakan ubi-ubi hutan dan buah-buahan (ubi kapor serta buah-buahan pokok perah).

Hak perseorangan juga termasuk tempat penumbuk kayu yang mempunyai bawah yang rata. Tempat ini digunakan untuk menumbuk padi serta menggunakan anak penumbuk yang kasar. Kadang-kadang alat ini juga mempunyai alat yang tajam di bawahnya supaya ia akan

nembeluhkannya terletak dengan kuatnya di tanah.

Moreka juga memperolehi tikar yang dibuat dari daun pandan. Labu juga digunakan untuk menaruh air.

"As far as the writer could ascertain separate huts were assigned to married couples, bachelors, and unmarried girls."<sup>7</sup>

#### Bahan-Bahan Makanan

Ianya dibawa dengan bakul yang disangkutkan di tengah-tengah belakang. Sebenarnya kelompok Negrito ini pada hakikatnya ialah seorang pemburu, penggali ubi, pengumpul buah-buahan dan juga menjalankan tanam-tanaman. Mereka masih lagi menggunakan cara-cara primitif, tradisional dalam mendapatkan bahan-bahan makanan yang merupakan sumber utama pengeluaran. Selalunya bahan-bahan tersebut terdiri daripada padi, jagong India, ubi caladium, ubi-ubi liar, buah-buah hutan, pucuk pohon nyior, burung-burung, tupai-tupai, kera-kera, monyet dan ikan-ikan. Keladi dan ubi kayu diparut dan dibungkus dalam daun pisang dan dibakar. Ikan-ikan selalunya dibakar sama seperti membakar binatang-binatang serta burung-burung,

"The Negrito depends largely on his blowpipes to provide him with meat (monkeys, squirrels, etc) but a digging stick similar to that used to obtain tubers in the jungle made, used and thrown away on the spot."<sup>7a</sup>

<sup>7</sup> William-Hunt, P.D.R., An Introduction to Malayan Aborigines, Kuala Lumpur. Government Press, 1952. m.s. 20.

<sup>7a</sup> Schebesta, P., op. cit., m.s. 376.

C. Bulatan Ekonomi (Economic Cycle)

a) Jenis-Jenis Aktiviti Ekonomi

Dalam bidang ekonomi didapati bahawa dikalangan orang-orang Batek Ndong ini secara tidak langsung jenis-jenis aktiviti ekonomi yang dijalankan telah ditentukan oleh keadaan sosial masyarakat tersebut. Mereka merupakan satu masyarakat simple yang sentiasa berpindah randah dan ini tidak membenarkan mereka benar-benar menetap pada satu-satu tempat tertentu selama-lamanya. Selain daripada faktor di atas didapati bahawa faktor ekoloji juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan ekonomi kelompok ini. Ada peristiwa-peristiwa yang berlaku seperti banjir dan sebagainya di mana anggota kelompok Batek Ndong ini terpaksa meninggalkan satu-satu tempat untuk berpindah ke tempat pendalaman yang lebih selamat. Selalunya tempat-tempat ini duduknya berhampiran dengan tanah-tanah pergunungan. Keadaan yang telah diperkatakan telah membawa corak ekonomi yang sebegini rupa.

*Shifting agriculture, maize growing and vegetable planting*

*November*

Sebenarnya kelompok ini pada hakikatnya ialah seorang pemburu, penggali ubi, pengumpul buah-buahan dan mereka juga menjalankan aktiviti pertanian. Corak aktiviti mereka adalah seperti berikut:

*December*

- |                 |   |
|-----------------|---|
| Bulan: Desember | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pertanian Pindah (shifting agriculture) cycle</li> <li>2. Pertanian Getah</li> <li>3. Menggerat Rotah</li> <li>4. Memburu</li> <li>5. Menangkap Ikan</li> </ol> |
|-----------------|---|

6. Kerja-kerja sambilan seperti menebas, menjadi buruh kasar dan lain-lain. Pengkaji dapati dikalangan anggota Batek Ndong ini tidak ada "regularity of employment".

#### BULATAN KERJA (WORK CYCLE)

<u>Bulan</u>	<u>Aktiviti-Aktiviti</u>	<u>Jantina</u>
Mac	Batin memilih tempat berladang dan belukar ditebas.	L
April	Pokok kayu yang besar ditebang.	L
Mei	Kawasan yang diterangkan mulai kering. Hujung bulan Mei bermulanya penanaman padi huma.	L/P
Jun	Kawasan di atas dibakar pohon-pohon kayu dan ranting-ranting yang kering. Tanaman padi di tengah ladang dijalankan (padi 6 bulan ditanam dulu)	L/P
Julai	Padi "weeded" dan padi 5 bulan ditanam.	L/P
Ogos	Pokok-pokok pisang ditanam di pinggir ladang tersebut. Padi 4 bulan ditanam.	L/P
September	Padi 3 bulan ditanam. "Rice weeding".	L/P
Oktober	"Rice weeding and vegetable planting"	P
November	Upacara menuai padi dimulakan.	L/P
Disember	Upacara menuai selesai.	L/P
Januari	Tunggul-tunggul padi dan tumbuhan-tumbuhan liar ditebas dan dibakar. Mulai menanam sayur-sayuran.	P
Februari	Selesai menanam sayur-sayuran.	P

Nota: Batin: Mac - menentukan tempat buat ladang dan "the cycle is repeated and it may vary two months either way". Dalam bulan Januari, Mac, April kaum lelaki tidak berladang dan mereka membuat kerja lain seperti mengerat rotan, menoreh getah, menebang pokok-pokok kayu dan makan gaji dengan taukeh-taukeh Cina sebagai drebar lori, pembasuh parit dan pengangkat batu.

### Cara Berladang (Farm Tenure)

Pemilihan tempat berladang serta pertunjuk dalam pertanian dilakukan oleh Batin. Selalunya kejayaan dan banyaknya hasil tanaman tersebut bergantung kepada kepandaian ketua tersebut memilih tanah yang subur. Tiap-tiap anggota kelompok mempunyai hak yang sepuhnya ke atas semua hasil pengeluaran daripada tempat kerjanya. Seseorang itu masih lagi berhak **sedemikian** sampai ladang itu tidak berguna lagi dan ditinggalkan. Selepas ladang itu ditinggalkan seseorang individu itu hilang haknya dan ianya dianggap sebagai hak bersama.

Batin itu bergantung atas dasar pemilihan tempat ladang yang batin yang boleh mengeluarkan hasil.

Kadang-kadang penduduk tersebut tinggal dalam beberapa buah rumah di bawah arahan sub-ketua yang selalunya anak saudara Batin yang dekat. Ketua tersebut akan memilih kawasan untuk dijadikan ladang dan dia akan mengawas segala pekerjaan di ladang.

### Pemilihan Kawasan Ladang

Mengikut jadual bulatan kerja tersebut dalam bulan Mac Batin memilih tempat berladang. Ini adalah kewajipan pertama bagi ketua kelompok dan ditemani oleh seorang syaman atau bomoh kelompok tersebut. Tugas syaman ialah untuk menganalisa sebarang mimpi serta tanda-tanda yang mereka temui dalam masa pencarian tersebut. Kalau ianya untuk kawasan tanaman padi Batin akan menumpukan perhatian kepada kawasan

"primary or secondary forest" di mana "average diameter" di peringkat pinggang ialah 8 inci atau lebih.

bentuknya berupa "kawasan". Sehingga dengan pendapat yang dari

oleh Solepas tempat tersebut didapati, Batin akan menebang satu atau dua pokok-pokok di tengah-tengah kawasan tersebut. Kemudian ia pulang ke kelompoknya dan menanggil anggota-anggota kelompok tersebut untuk berkumpul supaya diberitahu tentang pilihannya dan tempatnya. Mereka adakan perbincangan terbuka berkenaan kawasan tersebut. Pada malamnya semua mimpi baik atau tidak diberitahu. Kalau mimpiya baik maka mereka akan mula menebang pokok-pokok tersebut. Kekuasaan dan "prestige" Batin itu bergantung atas dasar pemilihan tempat ladang yang baik yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak.

Kampong juga merupakan satu faktor dalam pilihan ladang. Dengan adanya bijian-bijian tanaman seperti jagong dan padi, rumah menjadi bukan sahaja sebagai tempat perlindungan seseorang tetapi juga sebagai rumah simpanan bijian-bijian. Ini juga membawa kepada aktiviti-aktiviti pertanian yang teratur dalam ertikata yang akan membolehkan mereka duduk atau tinggal disatu kawasan kampong untuk jangka masa yang panjang. Oleh demikian ada kemahiran untuk mengkekalkan kampong mereka selama mana yang boleh adalah sangat kuat dan ianya menaikkan peranan yang penting dalam pemilihan kawasan ladang baru.

Faktor kedua yang penting dalam pemilihan ladang ialah konderaan. Anggota kelompok tersebut enggan berpindah kerana

kesusahan dalam membawa barang-barang mereka. Barang-barang kepunyaan seseorang bertambah dengan adanya penukaran barang-barang serta "services". Sekarang dengan pendapatan wang dari hasil hutan iaitu rotan serta pertolongan yang diberi oleh kerajaan sesuatu famili mempunyai barang-barang seperti "bushknife and adze", sekurang-kurangnya dua helai sarong seorang, cawan, pinggan, periuk belanga serta seekor kerbau. ~~sa mulai menyiasat bagaimana akan dibuat~~  
~~klip daripada kayu yang berca dari pokok tanam.~~  
~~dan pokok t~~  
~~bercauh.~~ Dalam bulan April pula selepas belukar ditebas pohon-pohon kayu yang besar pula mulai ditebang. Kerja ini dilakukan oleh kaum lelaki. Orang-orang Negrito ini mahir dalam perkara tebang menebang pokok-pokok kayu. Mereka selalunya berdiri di atas satu "lofty platform" dibuat daripada kayu-kayu yang bersilang dan mereka memotong batang pokok-pokok tersebut betul-betul di tempat "butress spring from the trunk". Mereka tidak pernah tersilap untuk mengenakan target tersebut. Keratan itu dibuat dengan licinnya sampai "the top of the stump often looks as smooth as a billiard table". Metode yang paling digemari ialah memilih pohon-pohon yang terbesar dan menebangnya mengikut satu hala tertentu supaya iaanya akan membawa keruntuhan pokok-pokok kecil semasa iaanya rebah ke bumi. Selalunya tanaman yang paling awal permulaannya ialah jagong dan yang paling lambat sekali ialah padi. Penanaman padi menggunakan upacara magic yang banyak. ~~berikan sebelah tangas dengan menyanyi buah-buahan tersebut ke dalam labang dan sebelah tangas lagi menengahki labang dengan~~  
~~kayu tajur.~~ Pohon-pohon kayu yang ditebang dibiarkan kering di

kawasan tersebut dalam masa setengah atau satu bulan. Apabila batang-batang kayu yang ditebang itu sudah betul-betul kering upacara pembakaran dilakukan. Kaum lelaki, perempuan, serta budak kecil semuanya berkumpul dalam kawasan yang tedoh di ladangan tersebut. Selepas kawasan itu selesai dibersihkan maka ianya telah boleh disediakan untuk tanaman. Permulaan turun curahan hujan membolehkan upacara penanaman padi. Orang lelaki pun mulai menyiapkan kayu tajam atau "dibble" yang dibuat khas daripada kayu yang keras dari pokok tamun. Kulit pokok tersebut dikopek dan satu lubang dibuat diujungnya untuk simpan bijian-bijian yang ditaroh di dalam pondok dalam guni.

Tiap-tiap individu membawa kayu tajam tersebut dan membenamkan mata yang tajam itu ke dalam tanah dalam satu bulatan. Perkara ini dilakukan oleh kaum lelaki dan juga kaum wanita. Mula-mula kita dapati Bomoh kelompok ini dalam menjalankan jampi serapahnya akan mula memalingkan mukanya ke arah timur dan mengeluarkan beg simpanan bencuh padi dan mengebarkan tujuh kali menerusi leonaikan asap. Bomoh itu menghitung kuat-kuat dari angka satu sampai tujuh. Lepas itu bencuh-bencuh padi ditaborkan sedikit-sedikit ke dalam ketujuh-tujuh lubang tersebut dan lubang-lubang itu ditimbus dengan mengguna kayu tajam masing-masing. Kaum wanita mengikut di belakang membawa beg bencuh padi dan kaum lelaki pula membawa kayu tajam mereka. Mereka bekerja dalam satu barisan sebelah tangan menyemai bencuh-bencuh tersebut ke dalam lubang dan sebelah tangan lagi mencungkil lubang dengan kayu tajam masing-masing. Tugas kaum wanita ialah untuk

menyemaikan bahan-bahan padi yang di dalam beg yang sudah dijampi dahulu dan kemudian baru menyemaikan bahan padi yang lain. Selepas menaruh bahan di dalam lubang mereka menggunakan tangan atau kaki untuk menimbus lubang-lubang tersebut. Padi yang mula-mula ditanam ialah padi yang mengambil masa kira-kira enam bulan untuk masak. Ini dilakukan dalam akhir bulan Mei atau permulaan bulan Jun.

Dalam bulan Julai kerja tanam padi hampir-hampir selesai. Lepas itu tanaman padi lima bulan pula dimulakan. Disamping ini kerja menyabut rumput-rumput dan tumbuhan-tumbuhan yang menghalang padi hidup dengan suburnya dilakukan oleh kaum perempuan serta kanak-kanak kecil. Kaum lelaki membantu kaum wanita dalam pekerjaan tersebut. Pekerjaan mencabut rumput dijalankan sepanjang masa tanaman.

Bulan Ogos merupakan bulan akhir anggota kelompok Batek Ndong ini menanam padi. Bersamaan ini kita dapati pisang ditanam di pinggir ladang tersebut. Padi empat bulan selesai ditanam. Akhir bulan Ogos juga padi tiga bulan selesai ditanamkan.

Sepanjang bulan September dan Oktober pekerjaan mencabut rumput dan tumbuhan seperti lalang, pokok mempelas dan lain-lain dijalankan oleh kedua-dua kaum lelaki dan perempuan. Diantara kawasan padi tersebut disulami dengan tanaman sayur sementara menunggu padi masak.

Apabila semua tanaman padi selesai kayu tajam yang digunakan dalam penanaman tersebut dibawa ke tempat asalnya berlaku upacara pembukaan ladang itu oleh Bonoh. Upacara seperti dahulu dijalankan dan kayu-kayu tajam ditaruh dalam tempat dan keadaan seperti sediakala. Upacara ini dijalankan selama tiga hari.

Padi di ladang mulai menguning menunjukkan bahawa musim menuai telah tiba. Semua kaum lelaki dan wanita serta kanak-kanak pergi beramai-ramai menghalau burung-burung, tikus-tikus, tupai dan babi hutan yang merosakkan tanaman-tanaman mereka. Dalam menuai padi kadang-kadang saudara-saudara Batin dari kawasan berdekatan datang untuk menolong dalam pekerjaan menuai. Pondok kecil dibina dekat dengan ladang padi huma tersebut. Separuh daripada keluarga mereka sahaja yang tinggal di situ. Mereka menggunakan pisau tuai yang akan mengetip "head of rice" di antara jari dan ibu jari. Batang-batang padi tinggal di situ untuk dibakar atau buruk serta reput. "Rice heads" dikumpul bersama-sama dan ditaruh diplatform untuk diceraikan bijian-bijian tersebut. Padi dipijak dengan berjalan depan dan kebelakang sampai batang padi terasing. Padi yang didapati kalau hendak digunakan untuk dimasak maka ianya terlebih dahulu ditumbuk di dalam "mortar" yang dibuat daripada kayu. Ditumbuk dengan kayu penumbuk.

Dalam bulan December upacara menuai padi selesai. Daripada bulan Januari sampai ke bulan Mac aktiviti pertanian

tidak dilakukan. Musim ini dikenali sebagai "off season" di mana kebanyakan aktiviti sambilan dilakukan. Kadang-kadang terdapat kaum lelaki kerja hutan seperti mengerat rotan, menebas dan menebang pokok-pokok kayu.

### 1. Portanian Pindah

Dalam kehidupan sehari-harian kita dapat bahawa kelompok Batek Ndong ini menganggap beras sebagai bahan makanan utama. Selain daripada ini ubi kayu dan jenis-jenis akar yang lain pun menjadi kegemaran mereka. Tiap-tiap tahun padi ditanam oleh orang-orang ini. Padi yang mereka tanam dinamakan padi huma atau padi bukit. Selalunya padi tersebut ditanam berhampiran kawasan pergunungan seluas kira-kira 10-12 ekar. Aktiviti menanam padi dijalankan secara bergotong royong.

Mengikut keterangan Batin padi ditanam satu kali dalam setahun. Padi tersebut selalunya ditanam sebagai kegunaan sendiri. Ini berdasarkan kepada sistem ekonomi secucup hidup. Ini memberi maana bahawa pengeluaran dari segi ekonomi semata-mata untuk keperluan pengeluar sendiri dan bukan untuk pasaran.

"The most widespread farming system whereby annual and short term perennial crop production is alternated with periods of vegetative fallow is that known as shifting cultivation."

Dikalangan kelompok primitif ini didapati sebanyak

4 jenis padi yang ditanam. Padi-padi tersebut ialah:

1. Padi Berman
2. Padi Lebar
3. Padi Serendah
4. Padi Bukit

Padi-padi tersebut mempunyai masa masak yang berlainan. Ada yang memakan masa enam bulan dan padi ini ditanam mula-mula sekali. Kemudian diikuti oleh padi yang memakan masa lima bulan, padi empat bulan dan seterusnya padi tiga bulan. Mereka menanam padi-padi tersebut mengikut peringkat-peringkat masa yang berlainan supaya keempat-empat padi tersebut akan masak serentak.

#### Persediaan Boneh

Boneh padi yang disimpan dari hasil tanaman tahun lepas dibasuh dalam air supaya lekas tumbuh dan kemudiannya direnjis dengan air pisang.

#### Cara Menanam

Selalunya mengandungi dua pasukan iaitu satu pasukan lelaki yang membuat lubang di tanah dengan menggunakan kayu tajam (pokok ibau) dan pasukan wanita pula menaburkan boneh-boneh padi yang telah disediakan terlebih dahulu. Dalam upacara membuat lubang tersebut selalunya kayu yang digunakan berukuran kira-kira enam kaki panjang dan tiga inci lebar (mengikut diameternya). Lubang-lubang tersebut dalamnya kira-kira antara 4-5 inci dan pada kadar 9-11 lubang satu elai persegi

tanah. Penyemai-penyemai membawa bencuh-bencuh padi dalam sebuah beg kecil yang diikat di pinggang masing-masing atau bencuh disimpan dalam gelongan buluh yang dipegang di tangan kiri dan menyemai dari arah tangan kanan pada kadar 15-25 bencuh dalam satu lubang. Selalunya satu pasukan menyemai bencuh padi dikehendaki menyemai sebanyak tiga gantang bencuh padi dalam sehari. Bencuh-bencuh tersebut ditimbus semula dengan tanah.

Dalam masa 3-4 bulan selepas penanaman padi tersebut pekerjaan membesihkan kawasan padi dijalankan. Tumbuh-tumbuhan seperti lalang, rumput dan tanaman kecil yang membahayakan kehidupan padi yang subur dicabut dengan tangan serta "steel hoes". Pekerjaan tersebut dilakukan oleh kaum wanita dan anak-anak kecil. Sebenarnya mereka tidak suka melakukan pekerjaan ini.

Anggota-anggota kelompok ini juga mengambil initiatif untuk melindungi tanaman-tanaman mereka daripada ulat-ulat yang menakan bencuh padi tetapi mereka tidak berjaya. Mereka hanya berjaya setakat melindungi tanaman-tanaman mereka daripada mangsa-mangsa seperti burung, pelanduk serta babi hutan. Oleh demikian mereka tanam "cassava hedge" anggaran 10-15 kaki lebar sebagai bahan makanan untuk mangsa-mangsa tersebut. Daun-daunnya untuk pelanduk dan akar serta ubi-ubi untuk babi hutan supaya binatang-binatang tersebut mengalihkan haluan dan tumpuan masing-masing daripada tanaman padi di ladang tersebut. Apabila padi mulai berbuah dan menarik perhatian burung-burung maka "bamboo clappers"

setinggi 15 kaki didirikan di beberapa tempat di ladang itu. Bila angin bertiup maka "bamboo clappers" akan berbunyi kuat dan ini akan menakutkan binatang-binatang yang datang untuk makan buah padi. Ada setengah-tengah "bamboo clappers" tersebut diikat dengan tali yang panjang dan diikat hujungnya berdekatan dengan pondok supaya senang bagi kaum wanit menariknya dari pondok masing-masing.

Apabila padi sudah masak maka musim menuai telah tiba. Dikalangan kelompok Batek Ndong sekali lagi kita bertemu dengan kerja gotong royong dipraktikkan. Menurut keterangan Batin serta beberapa informen lain selalunya mereka membina sebuah pondok besar yang digelar "deng". Semua anggota yang hendak menjalankan kerja menuai akan berkumpul di deng tersebut. Mereka akan makan bersama-sama pada pagi hari pertama menuai padi dan lepas nakan sahaja baru mereka boleh menjalankan kerja tersebut.

Upacara menuai padi selalunya dijalankan oleh kaum perempuan dengan sedikit bantuan daripada kaum lelaki. Tiap-tiap seorang membawa sebilah pisau tuai di tangan kanan dan memikul beg pandan di belakang. Mereka memegang batang padi di tempat kira-kira dua inci daripada rumpun buah padi dan menggunakan ibu jari, jari telunjuk dan jari tengah tangan kanan dan mencabut batang padi tersebut dengan menggunakan pisau tuai tersebut. Kemudian buah padi disimpan dalam beg pandan di balakang masing-masing. Lepas ini semua padi di dalam beg pandan tersebut akan dalam air untuk di basuh semula-juga. Sesudah itu barulah

dimasukkan ke dalam bakul yang besar dan bakul ini dipikul oleh kaum lelaki ke deng. Tiap-tiap seorang boleh menuai sebanyak enam gantang padi sehari.

Anggota kelompok Batek Ndong ini percuaya padi padi di dalam bakul besar tadi dicurahkan ke atas satu "platform" yang dibuat daripada susunan buluh-buluh kecil yang rapat. "Platform" tersebut dibuat kira-kira tiga kaki daripada permukaan tanah. Di bawah "Platform" ini dibentang sehelai tikar pandan atau kertas. Padi dibanting sehingga buah padi tercerai daripada batangnya. Kadang-kadang mereka menggunakan kaki untuk memijak padi tersebut. Buah padi semuanya akan jatuh melalui lubang antara susunan buluh tersebut dan berkumpul di atas tikar atau kertas yang dibentang. Padi ini disimpan dalam tempat simpanan sementara sampai selesai semua pekerjaan membanting padi.

*Alas dan basah padi dibawa ke Ladang.*

Kemudian padi dalam simpanan dimasukkan ke dalam guni. Mengikut anggota kelompok Batek Ndong kalau hasil padi mewah ada kalanya mereka mendapat sebanyak 600 kati. Kalau musim padi tidak menjadi mereka hanya dapat kira-kira 100 kati sahaja dan ini tidak mencukupi untuk menampung kehidupan sehari-harian. Mereka juga mengatakan bahawa hasil padi yang sangat berkurangan itu adalah disebabkan oleh kerosakan buah padi tersebut kerana diserangi ulat-ulat, burung-burung, tikus dan babi hutan.

Padi yang di dalam simpanan sementara itu ditaruh di dalam niru untuk di tempi sampah-sampahnya. Lepas itu barulah

ianya disimpan dalam pondok padi. Padi nanti dia ditanam dalam sawah padi dan ditenggelam di bawah pokok yang sole-

Roh Padi

Anggota kelompok Batek Ndong ini percaya pada ujudnya roh padi. Ketua kelompok ini yang digelar Batin selalu melakukan upacara menjamu makan roh tersebut. Upacara tersebut dilakukan pada nasa mula-mula hendak menanam padi, membersihkan ladang dan musim menuai. Perkara-perkara yang bersangkutan dengan kepercayaan mereka ini dikenali ramai dan ianya disukai oleh roh padi.

Upacara ini dijalankan pada hari permulaan penanaman padi. Batin atau penolongnya menyediakan makanan-makanan yang hendak dijamukan kepada roh padi tersebut. Hidangan ini mengandungi nasi, sayur, ikan dan benih padi dibawa ke ladang. Batin akan mencari tempat pokok yang pertama sekali yang ditebangnya dan letakkan beg benih padi di situ. Lepas itu dia mencungkul lubang di keliling beg benih tadi dengan menggunakan kayu tajam. Kemudian benih dari beg tadi dicurahkan ke dalam lubang-lubang yang digali dan dengan serentak dia membaca jampi serapahnya untuk meminta dari kuasa ghaib tadi supaya membawa hasil padi yang banyak pada tahun ini. Ada yang mengatakan bahawa hidangan makanan tersebut dimakannya seolah-olah ianya dimakan oleh roh padi tersebut. Pendapat satu lagi mengatakan bahawa hidang tersebut mengundungi nasi yang dicampur dengan gula digelar nasi manis. Mereka mengatakan bahawa kuasa ghaib tersebut

suka kepada benda-benda yang manis. Nasi manis ini ditaruh dalam upeh pinang dan ditinggalkan di bawah pokok yang mula-mula sekali ditebangnya.

Upacara ritual juga dilakukan pada permulaan musim menuai. Batin akan mengikat antara 5 hingga 6 batang padi bersama-sama dalam serumpun. Kemudian semua padi yang mengelilingi rumpun tersebut dituainya (batang dikerat kira-kira 3 kaki). Lepas ini barulah kaum wanita dibenarkan memulakan pekerjaan menuai masing-masing. Apabila semua padi di ladang itu selesai dituai maka barulah rumpun padi yang diikat dahulu dikerat oleh Batin dan disimpan baik-baik untuk diguna dalam tanaman padi tahun yang akan datang. Orang-orang Batek juga percaya bahawa roh padi tinggal pada waktu malam dikalangan padi yang dituai dan pulang kepada padi-padi yang belum dituai di ladang pada masa subuhnya. Mengikut pendapat mereka rumpun padi yang diikat oleh Batin hanya dituai pada penghabisan sekali supaya ianya boleh menjadi tempat tinggal roh padi tersebut. Selalunya pada hari pertama menuai hanya sebanyak yang diperlui untuk makan pertama sahaja yang dituai oleh mereka.

"Ritual" nasi manis di atas dilakukan bukan sahaja untuk mendapat hasil padi yang menuaskan tetapi ia juga bertujuan untuk menghalau hantu-hantu dan syaitan-syaitan, yang akan membawa bencana seperti sakit, luka parah, dan dipengaruhi oleh kuasa ghairah dan sebagainya.

Dalam menjalankan pekerjaan setiap hari kumpulan Batek Ndong ini juga berpandukan kepada beberapa petua-petua yang mereka lihat dan membuat implikasi dari tanda-tanda yang mereka temui. Tiap-tiap hari sebelum pergi kerja mereka melihat ke langit untuk mengetahui sanada kabus tebal atau nipis. Kabus tebal memberi implikasi bahawa hari demikian tidak digalakkan untuk pergi bekerja kerana sesuatu kemalangan akan menimpa diri masing-masing. Sakit-sakit seperti luka, pening kepala serta bisa-bisa tulang dan lain-lain akan menimpa. Hari Jumaat merupakan hari lepasan kerja bagi mereka kerana mereka percaya bahawa pada hari tersebut semua orang Melayu pergi sembahyang, oleh itu jin-jin dan hantu syaitan akan datang mengacau dan mengusek mereka-mereka yang bekerja pada hari tersebut.


## 2. Pertanian Getah

Bersamping dengan pertanian padi untuk kegunaan sendiri ujud pula satu pertanian yang bukan berdasarkan ekonomi cukup hidup iaitu pertanian getah di mana hasil keluarannya dijual.

Selain dari menanam padi kita dapati bahawa anggota kelompok Batek Ndong ini melakukan aktiviti menoreh getah. Hasil getah tersebut dijual dan wang yang mereka perolehi digunakan untuk membeli barang-barang makanan. Ladang getah adalah hak perseorangan. Tiap-tiap kelamin diberi oleh kerajaan sebanyak enam ekar kebun getah. Oleh demikian mereka menoreh kawasan masing-masing.



Gambar 3: Seorang lelaki dewasa  
Batek Ndong sedang  
menoreh getah.



Gambar 4: Seorang lelaki dewasa  
Batek Ndong sedang  
memesin sekeping getah.

Aktiviti menoreh getah ini adalah diutamakan untuk kaum lelaki. Tiap-tiap pagi orang-orang yang terlibat dalam aktiviti ini akan pergi menoreh pada pukul 6.30 pagi. Mereka membawa satu beg yang di isi oleh botol air, bekalan nasi dan sebilah pisau toreh. Mereka menoreh sampai tengah hari. Lepas itu mereka bawa sebuah beldi besi dan pergi dari satu pokok ke pokok yang lain mencurahkan susu getah yang ada dalam cawan getah. Setiba mereka di tempat mesin getah maka susu getah di dalam beldi tersebut dicurahkan ke dalam palong getah berukuran  $1\frac{3}{4}$  kaki panjang dan lebarnya kira-kira  $1\frac{1}{2}$  kaki. Setiap palong tersebut mengandungi sebanyak dua inci susu getah yang kemudiannya dibancur dengan asid getah yang membantu susu getah tersebut supaya cepat beku. Apabila getah sudah beku maka ianya dikeluarkan dari palong tersebut dan ditaruh di "Platform" yang dibuat dari sekeping kayu berukuran tiga kaki panjang dan dua kaki lebar. Mereka gunakan kedua-dua bolah tangan untuk memicit getah tersebut supaya ianya jadi sekeping getah yang senipis  $\frac{1}{2}$  inci. Lepas ini mereka mengulurkan getah tersebut di mesin getah nombor 1 di mana getah tersebut di sama ratakan oleh mesin tersebut. Sambil meratakan mesin tersebut juga melicinkan getah itu. Kemudian getah yang nipis serta licin ini dimasukkan <sup>ke</sup> mesin getah nombor dua di mana getah itu dimesinkan supaya terdapat satu bentuk "design" atas permukaan yang licin tersebut (mesin membunga).

Sekarang keping getah tersebut sudah siap untuk dijemur di matahari supaya ianya kering. Apabila sudah kering

getah itu dikumpul disebuah pondok. Selepas seminggu semua getah yang sudah dikeringkan dikumpul bersama-sama untuk dijual.

Getah ini selalunya dijual kepada pekedai-pekedai Melayu yang berhampiran. Masa penjualan mereka seminggu sekali. Kita dapati bahawa harga getah keping ialah 35 sen sekati. Ini disebabkan oleh mutu getah keping mereka rendah. Kadang-kadang kita dapati bahawa sebenarnya penjual inginkan untung yang banyak dari orang-orang asli tersebut. Di sini terdapat penindasan ekonomi yang kuat. Hasil getah untuk se kelamin dalam seminggu ialah 36 kati @ 35 sen sekati. Jumlah pendapatan seminggu bagi satu kelamin ialah \$12.50. Dari keterangan di atas kita dapati tiap-tiap sekelamin dapat kira-kira lima kati getah sehari. Ini bermazna bahawa dalam enam okar tanah getah hanya dapat mengeluarkan sebanyak lima kati sahaja sehari. Keluaran tersebut amatlah sedikit dan mereka mengatakan bahawa ianya disebabkan oleh pokok yang tidak subur. Sebenarnya keadaan tersebut berlaku kerana mereka tidak pandai menggunakan metode yang baik dalam cara menoreh getah. Kadang-kadang terdapat bekas tempat torehnya terlalu dalam hingga ianya menyentuh kulit dalam batang getah itu dan ini merosakkan pokok getah tersebut dan ianya tidak dapat mengeluarkan susu yang banyak.

### 3. Mengerat Rotan

Aktiviti-aktiviti mencari rotan ini merupakan satu sumber pendapatan yang memuaskan di kalangan orang-orang asli ini. Mereka selalunya pergi bersama-sama keluarga masing-masing ke dalam hutan dan membawa periorek belanga bersama kerana mereka terpaksa tinggal beberapa hari dalam hutan tersebut. Kadang-kadang kita dapati mereka yang tinggal kira-kira satu bulan di dalam hutan tersebut akan membuat tempat kediaman sementara. Selalunya ketika orang lelaki pergi mengerat rotan isterinya yang tinggal pergi mencari bahan-bahan makanan seperti ubi wau, ubi kayu, cendawan dan kadang-kadang pergi mengaili di sungai yang berhampiran. Kemudian wanita tersebut akan masak nasi dan lauk yang didapatinya. Tempat mencari rotan tersebut ialah antara 3 hingga 6 batu jauhnya dalam hutan belantara dan di tempat pergunungan. Kadang-kadang mengikut keterangan anggota kelompok yang pergi mencari rotan bahawa setelah berjalan untuk beberapa batu barulah mereka bertemu dengan pokok rotan tersebut. Kadang-kadang selepas dua batu berjalan mereka dapat antara 5 hingga 10 batang rotan manau. Rotan manau tersebut berukuran 6 kaki panjang dan diameternya ialah kira-kira 3 inci. Selalunya rotan ini dikumpul disuatu tempat dan pada hari penghabisan sahaja baru semua rotan dibawa pulang. Pekerjaan menikulinya mengambil masa yang agak lama dan ianya memerlukan tenaga yang banyak kerana rotan tersebut berat.

Mengikut hasil rotan yang didapati oleh anggota kelompok

Batek Ndong ini kita boleh membuat perhitungan sebanyak mana tiap-tiap anggota memperolehi rotan dalam sehari. Bagi misalan kita lihat hasil yang didapati oleh Batai:

~~mengetahui beratus yang banyak dengan mudah sebaliknya~~

Dalam masa seminggu dia dapat sebanyak \$16.60

Harga sebanyak 30 sen untuk 1 batang rotan manau.

Harga sebanyak \$16.60 untuk 16.60 batang rotan manau,

~~mengetahui. Dalam pendapat jarak per~~ = 30

= 55 batang rotan manau.

~~mengetahui. Kalau 7 hari dia dapat 55 batang rotan manau.~~

~~mengetahui. Kalau 1 hari dia dapat 55 batang rotan manau.~~

~~tersebut datang daripada tarif per~~ = kira-kira 8 batang rotan manau.

Jadi pendapatannya sehari = \$2.40

~~mengetahui. Pendapatannya sehari adalah sebanyak~~

Dalam mencari rotan ini pendapatan yang paling tinggi seorang dapat

ialah \$17.50 seminggu. Ini bermakna pendapatannya sehari ialah

\$2.50.

Pendapatan yang paling rendah ialah \$10 seminggu.

Jadi pendapatan yang paling rendah sehari = kira-kira \$1.40

~~Metode yang digunakan untuk menambah binatang-binatang~~

#### 4. Memburu

Aktiviti nomburu ini ialah aktiviti untuk menangkap semua binatang di darat dan juga "the higher genera of aquatic animals". Metode memburu bergantung kepada keadaan atau sifat binatang-binatang yang diburu. Bagi misalan orang-orang Batok

Ndong ini menggunakan cara "stalking game" dan men bunuh dengan cara "ambush". Satu cara yang diperlui dalam memerangkap dalam "traking of the game". Di sini orang-orang kelompok ini memerlukan bantuan yang banyak dengan memahami sebanyak-banyak pengetahuan tentang tempat di negara sendiri dan juga mestinya membiasakan diri dengan sifat-sifat binatang yang mereka ingin memburui. Dalam mendapatkan jarak penembakan yang dekat selalunya pemburu dengan cara senyap-senyap bergerak perlahan-perlahan atau sembunyi dalam tempat di mana binatang-binatang tersebut minum air, makan dan mencari berbagai cara untuk membuat binatang tersebut datang dekat tempat mereka. "Hunting screen" digunakan untuk menjadi tempat perlindungan pemburu semasa menanti mangsa. "Screen" tersebut boleh jadi dibuat di atas tanah, di dalam dahan-dahan pokok kayu berdekatan dekat tempat binatang-binatang makan atau boleh jadi "screen" itu boleh dibawa ke mana-mana sahaja pemburu pergi. Selalunya binatang-binatang dibawa ke perangkap atau datang berhampiran dengan membuat bunyi-bunyian seperti yang mereka gunakan untuk memanggil satu sama lain. Orang-orang Asli mahir dalam hal-hal ini.

Metode yang digunakan untuk men bunuh binatang-binatang tersebut bergantung kepada senjata-senjata buruan yang digunakan. Pondok-pondok di Ulu Ceka selalunya terletak di tengah-tengah tanah lapang yang ditanami dengan jagong India. Kadang-kadang mereka dapat menukar bahan-bahan makanan dengan orang-orang Melayu dengan memberi hasil pengeluaran hutan serta ubi-ubi yang digali di dalam hutang, misalannya ubi kayu, ubi wau, dan lain-

lain dan kemudiannya disalai di api. Selalunya bila tiba masa jagong masak maka mereka dapat potong beberapa rum sehari. Untuk menambahkan lauk mereka pergi memburu binatang serta burung dengan menggunakan sumpitan. Ikan senang ditangkap dengan menggunakan perangkap atau kayu dan mata kail yang ditutupi dengan jaring 10 cm dengan tutup buluh yang disarungkan di atasnya. Alat Sumpitan juga gotah "mouth piece" tersebut.

Alat sumpitan ini mempunyai satu tube yang luarnya berwarna cokelat tua yang dibuat dari dua keping, bahagian "proximal tube" tersebut terpanjang sekali dan bahagian distalnya berukuran 38 cm dan proximalnya berukuran 184 cm. Tempat sambungannya dikikis ke bawah hujung jauh proximal hingga hujung dekat distal terletak dengan komasnya di atas bahagian proximal. Bahagian yang dikikis tadi berukuran 1.6 cm. Unik lebih menguatkan lagi tube tersebut bahagian dekat distal buluh yang menutupi tempat sambungan tersebut diikat erat dengan tali yang dibuat dari Ijok dan dilekatkan dengan gum. (ambalou).

Hujung muncung tube luar diikat dengan cara yang sama juga. Di bawah sambungan tube luar dihiasi oleh tiga bulatan band bergarisan "incised" diaturkan mengikut jarak yang sama. Tiap-tiap band mengandungi empat barisan. Bahagian tube luar terdekat "mouthpiece" mempunyai tiga band yang serupa dan jarak antara band tersebut ialah 3.5 cm. Bahagian atas antara ruang di antara band dipenuhi dengan "diamond shaped cross hatchings". Bahagian bawah atau hujung proximal tube luar sekali lagi di

perkuatkan dengan ikatan tali pokok hutang. "Mouth piece" alat sumpitan itu borbentuk "speroidal" dan mengandungi satu bola dibuat dari getah liar di bahagian hujung tube yang di dalam. Hujung tube proximal di dalam inilah yang lebih besar sedikit daripada bahagian pendalaman tube luar yang ditutupi sepanjang 10 cm dengan tutup buluh yang disarungkan di atasnya dan ditutupi dengan getah "mouth piece" tersebut.


Bahagian hujung yang jauh penutup buluh dikikis ke bawah sepanjang 3 cm. supaya ianya boleh diletakkan ke dalam satu hujung tube luar dan mengandungi keping tube dalam yang ditutupi dengan buluh dan "mouth piece". Tube pendalaman proper dibuat dari dua "internodes" buluh yang diletakkan hujung sama hujung dan disambungkan bersama dengan penutup tabular buluh atau lain-lain bahan yang dilekatkan dengan gum. Kadang-kadang untuk meneguhkan ikatan tersebut getah malau atau ambalan digunakan. Kulit luar dibalut dengan rotan atau pokok-pokok lain. Tube dalam ini tidak sampai ke hujung jauh bahagian luar dan satu lingkungan kecil buluh dimasukkan ke dalam tube pendalaman tersebut sampai kedua-dua bahagian tepi bertentangan dengan atas tube dalam tersebut. Bahagian tube proximal dalam sangat pendek berukuran 39 cm. dari hujung "mouth piece" sampai hujung bahagian penutup yang berukuran 17 cm. Bahagian distal tube dalam diukur dari hujung jauh penutup hingga muncung berukuran 155 cm. Jumlah panjang alat sumpitan tersebut ialah 252 cm.

Racun Ipoh


Receptacle racun tersebut adalah kira-kira satu kaki panjang dan cukup-cukup diameternya untuk membolehkan ibu jari manusia masuk di dalamnya. Ianya dibuat dari internode buluh dengan satu adjacent node yang menjadi bahagian bawahnya. Selalunya pengutip berhenti di hadapan satu pokok subur kira-kira 12 hingga 18 meter tinggi mengandungi kulit yang licin. Pengutip tersebut selalunya melekatkan satu helai daun bertam kira-kira 9 inci panjang kepada batang pokok dengan menggunakan gun. (Sebagai satu muncung atau saluran untuk getah mengalir) Lepas itu satu barisan tanda besar bentuk V dikeratkan, satu di atas yang lain dengan menggunakan sebelah pisau penetak. Proses demikian boleh dikatakan agak nerbahaya atas kemungkinan getah racun tersebut terpercek pada mata pengutip tersebut.

Selepas getah racun dipungut ianya dituangkan ke dalam dulang buluh yang dibuat dari bahagian melintang sistem buluh besar. Lepas itu sedikit-sedikit getah tersebut diambil dengan menggunakan senduk buluh dan dituangkan atas spatula kayu yang besar dan disalai atas api dan dikacau dengan spatula kecil. Proses ini dilakukan beberapa kali sampai satu salutan kira-kira  $\frac{1}{8}$  inci dibuat. Selepas disejokkan racun tersebut menjadi keras dan spatula tersebut boleh disimpan dalam satu tube buluh kecil. Pada masa dart hendak diracunkan, spatula tersebut disalaikan di api supaya racun tersebut menjadi lembek dan melekat. Hujung dart digolekkan ke dalam racun dan dikeringkan  $\frac{3}{4}$  INCI hingga 8 INCI

# ALAT BULUH SUMPITAN (BLOWPIPE) BATEK NDONG



## DARTS



3/4 INCI

7 hingga 8 INCI


beberapa kali sampai kelihatan satu gelombang kecil substance hitam yang mengelilingi point di dart tersebut.

Mula-mula racun tersebut berwarna kopi muda tetapi bila dibakar warnanya bertukar menjadi vandyke cokelat tua, hanya sedikit muda dari racun yang dilihat di atas dart. Tempat dart yang hendak ditandakan digulungkan sampai betul-betul bersalut dan dijemur di matahari dan disandarkan dekat kayu-kayu agar tempat-tempat tersebut dihalekan ke atas.


Racun ini hancur di dalam darah binatang yang menjadi mangsa dan lambat laun akan memberhentikan pukulan jantung mangsa tersebut.

#### Darts

Dart buluh sumpitan mengandungi satu bentuk cone pith atau peng atau kayu yang "spongy" di dalam mana satu shaft nipis yang dibuat dari satu kayu muda yang teguh dilekatkan. Hujung dart selalunya disalutkan dengan racun Ipoh. Dart shaft dibuat dari kayu kecil tabar. Kebanyakan shaft Negrito dibuat dari pokok bertam. Kayunya dibelah kepada kayu-kayu kecil serta dilicinkan dan dikikis sampai menjadi satu luncutan dengan menggunakan parang. Ukurannya kira-kira enam inci. Selalunya dart shaft diikat hujungnya supaya kalau dart tersebut digesek jatuh oleh mangsanya, bahagian racun tersebut akan tinggal tindak tersentuh.



WADDING



QUIVERS ( TABUNG DAMAK)

Cone dart selalunya dibuat daripada rotan lang dan juga dari "pith" atau kayu "spongy". Dart tersebut digunakan dengan menaruh satu titik gum dibutt shaft itu dan ditolak setengah jalan di dalam gelangan "plug pith" tersebut. "Plug" kemudiannya dikikis kepada bentuk cone dengan menggunakan pisau. Lepas itu iaanya dilicinkan dengan menggunakan pasir dan mengoleknya di atas daun yang bermuka kasar. Kadang-kadang daun tersebut dinamakan lahi atau daun emplas (memplas).

### Wadding

Bola wadding yang diselitkan belakang dart untuk menahan angin masuk boleh dibuat dari substance yang "fluffy" serta tinggi. Satu lagi substance ialah flugg yang dijumpai dekat muka daun satu-satu pokok atau rotan.

### Quivers (Tabung Damak)

Ada dua jenis tabung damak dan kedua-duanya dibuat dari buluh yang mempunyai node yang ditinggalkan disatu hujung untuk menjadi satu tempat bawahani. Satu jenis berukuran 18 inci dan 2-3 inci diameter luarnya. Ianya tidak mempunyai sebarang penutup tetapi ada kalanya mempunyai penutup yang bertocang rotan atau daun pandan. Kedua-dua jenis boleh dihiasi dengan design incised.

Badan quiver boleh dibuat dari mana-mana jenis buluh yang mempunyai bentuk yang memadai serta satu dart tube yang

bebas (dipanggil "polet" dalam Bahasa Batek) dari mana-mana reed nipis atau buluh nipis. Tube dart selalunya diikat longgar dan disusun dalam satu bulatan keliling quiver yang dipegang pada tempatnya oleh had rumput atau kain dibahagian bawahnya. Bahan wadding ditaruh di atasnya.

"That the Semang formerly hurried and killed elephants, buffaloes, rhinoceros, deer, wild pigs with bow and arrow. They have not being able to hunt since they abandoned bow and arrow and spear for the blowpipe borrowed from the Senoi."<sup>8</sup>

## 5. Menangkap Ikan

Menangkap ikan di sini membawa erti penangkapan ikan-ikan dan "lower aquatic animals". Satu cara menangkap ikan yang digunakan oleh kelompok Batek Ndong ini ialah "line fishing". Ini adalah hanya satu cara memerangkap. Selalunya "line fishing" yang betul-betul mengandungi satu cangkok yang diikatkan ke satu batang kayu. Kadang-kadang cangkok tersebut menjadi umpan dan kadang-kadang umpan seperti cacing disangkut pada cangkok tersebut. Satu batu untuk mentengelamkan serta satu "float" yang dibuat dari daun-daun kelapa akan ditambahkan. Cangkok tersebut boleh jadi terdiri dari satu, dua atau tiga digunakan pada satu masa bersama-sama. Umpan yang digunakan terdiri dari ikan-ikan kecil atau anak-anak serangga yang digantungkan pada cangkok tersebut.

Ikan-ikan yang mereka dapati selalunya kecil-kecil

8

Denton, "The Senoi and the Semang", di dalam F.N. Lebar et.al., (ed.): Ethnic Groups of Mainland Southeast Asia. New Haven. 1964. m.s. 185.



Gambar 5: Kelihatan dua orang lelaki dewasa Batek Ndong sedang menebas hutan (kerja sambilan)

belaka seperti ikan puyu, belanak, dan anak-anak ikan. Ikan-ikan tersebut didapati dalam sungai Ceka yang berdekatan. Selalunya kerja menangkap ikan tersebut dilakukan oleh kaum wahita termasuklah budak-budak kecil dan anak-anak dara. Ikan ikan tersebut disiang di tepi sungai dan selepas di basuh dibawa pulang untuk dibakar atau direbus dan dijadikan lauk.

#### 6. Kerja-kerja sambilan

Selain daripada menjalankan aktiviti ekonomi yang disebutkan di atas kita dapati bahawa orang-orang Batek Ndong tidak ketinggalan dalam menjalankan aktiviti ekonomi seperti menjadi buruh kasar kepada taukeh Cina. Ada juga yang mengambil upah menebas halaman rumah orang-orang Melayu dan menebas hutan serta kebun buah-buahan. Walau bagaimanapun hanya sedikit sahaja anggota kelompok ini yang sanggup menjalankan pekerjaan tersebut. Ini semata-mata korana sifat semulajadi mereka yang suka bekerja di hutan mengikut kesukaan sendiri. Mereka tidak suka bekerja sebagai buruh kerana ianya memerlukan masa yang tetap serta undang-undang yang ditentukan. Mereka juga berpendapat bahawa bekerja sebagai buruh kasar tidak mendatangkan wang yang banyak seperti yang diperolehi dari kerja hutan.

Pada pendapat pengkaji alasan-alasan yang mereka kemukakan di atas tidak benar seratus peratus kerana pada praktiknya bekerja memakan gaji sebagai buruh kasar lebih mendatangkan wang yang banyak daripada kerja hutan kerana kerja tersebut mempunyai "employment" yang "regular". Mengikut

keterangan yang diberi oleh anggota kelompok ini mereka yang bekerja sebagai buruh kasar diberi gaji sebanyak lima ringgit sehari. Waktu kerja mereka ialah dari pukul 7 pagi sampai 5 petang. Selain daripada ini didapati bahawa mereka yang bekerja di sini mempunyai tempat tinggal yang dikhaskan berhampiran dengan tempat pekerjaan masing-masing. Oleh demikian mereka tidak membuang masa dalam berulang alik untuk pergi bekerja. Kadang-kadang kita dapati mereka tinggal di sana selama dua atau tiga bulan.

Semasa kajian dilakukan ada dua orang lelaki dewasa yang pergi ke Raub untuk memakan gaji di ladang kelapa sawit di rancangan. Malangnya sampai hari penulis hendak meninggalkan tempat kajian tersebut kedua-dua anggota tersebut masih belum pulang ke kelompok ini. Oleh demikian keterangan-keterangan yang lebih lanjut tentang pekerjaan di sana tidak dapat diselidiki. Melihat kepada kesanggupan sebahagian dari anggota kelompok ini yang telah sanggup meninggalkan kelompok mereka untuk pergi bekerja di tempat yang berpuluhan-puluhan batu jauhnya amatlah menggalakkan pada fikiran pengkaji. Ini telah menunjukkan sedikit sebanyak pendorongan yang mereka perolehi dalam pencampuran dan pergaulan dengan orang-orang Melayu yang berhampiran. Pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa walaupun pada hakikatnya nilai anggota kelompok ini amat rendah terhadap pekerjaan seperti ini tetapi sekarang nilai mereka berkenaan perkara ini telah mula berubah dan adalah harapan penulis agar sikap mereka ini akan turus berubah demi kepentingan mereka sendiri pada masa yang akan

datang. Jika sikap mereka telah mulai menempuh alam perubahan maka lambat laun nilai mereka juga akan turut berubah dan hanya demikian sahaja baharu mereka akan menerima sepenuh hati segala metode dan inovasi moden dalam bidang pertanian. Hanya penerimaan begini sahaja yang akan membolehkan mereka menambah hasil pertanian dan ini akan meninggikan taraf hidup mereka. Hanya dengan jalan demikian baharulah usaha-usaha kerajaan untuk meninggikan taraf hidup orang-orang asli boleh mendapat kejayaan.

*"...the introduction of simple technological technology, which by no innovation, disrupts the existing social order, to increase of capital assets with relatively less effort than the relative roles of people in production, administration and management functions. There must be without any form of institution or generally unacceptable mode of exchange for rapid conversion of any type of resources into income."*

Sebagaimana yang dikatakan oleh Dr. S. M. Salleh pada tahun 1970:

*"First there are systems which produce used nothing to change within the corollary that most of the means of production is decentralized, local and familiar."*<sup>10</sup>

Menurut Dr. S. M. Salleh "There is Economic Anthropology" adalah sebahagian dikenalnya di dalam keterbatasan dan kelebihan-pula mengarangku bukunya untuk mendapat ketuntungan

<sup>10</sup> Salleh, S. M., *Theory in Economic Anthropology*, London, Cambridge Publication, 1977, page 50.

### BAB III

#### METODE PENGELOUARAN DAN PENGHASILAN

Batek Ndong ini kita dapati unsur-unsur seperti berikut:

Firth says,

".....my own view is that it implies a system of simple non-mechanical technology with little or no innovation, directed to maintenance rather than to increase of capital assets, and with relatively low differentiation of economic roles of people in production, entrepreneurial and management functions. Usually it is without overt market institutions or generally acceptable media of exchange for rapid conversion of one type of resources into another."<sup>9</sup>

Mengikut pendapat Sahlins pula ekonomi primitif sebagaimana yang dilihatnya pada tahun 1960:

"First they are systems which produce used rather than exchange within the corollary that control of the means of production is decentralized, local and familiar."<sup>10</sup>

Mengikut Firth dalam bukunya "Themes in Economic Anthropology" ekonomi sebenarnya dikaitkan di dalam kekerabatan dan kekerabatan pula mengurangkan kemahuan untuk mendapat keuntungan

<sup>9</sup> Firth, R., Themes in Economic Anthropology, London. Tavistock Publication, 1967. m.s. 52.

<sup>10</sup> Ibid. m.s. 80.

### A. Sistem Pengeluaran

Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi tersebut termasuk sistem seperti cara-cara menanam, melakukan ritual dan terdapat juga pengkhususan yang berdasarkan jantina serta umur. Berikut ialah senarai anggota-anggota kelompok Batek Ndong (Band 1) mengikut umur dan jantina.

	<u>Nama</u>	<u>Umur (Tahun)</u>	<u>Jantina</u>
1.	Batin Gonchang	58	L
2.	Yasalok	27	P
3.	Batai	20	L
4.	Teton	22	L
5.	Akek	17	P
6.	Tegoh	50	L
7.	Wong	12	L
8.	Balang	30	L
9.	At	22	P
10.	Anak lelaki	9	L
11.	Anak lelaki	10	L
12.	Anak perempuan	8	P
13.	Anak lelaki	7	L
14.	Bakok	25	L
15.	Tacing	24	P
16.	Yap	1	L
17.	Gundat	33	L
18.	Weng	35	P
19.	Sit	14	P
20.	Halik	6	L
21.	Minah	18	P
22.	Tet	22	L
23.	Lihun	12	L
24.	Lipod	25	L
25.	Tanjong	28	L

Nota: L = Lelaki; P = Perempuan

Kita dapati bahawa pembahagian kerja mengikut jantina adalah seperti berikut:

Kaum lelaki melakukan pekerjaan:

"Spear sign for men"

1. Memburu
2. Memotong pokok
3. Membina hayak
4. Membuat senjata
5. Mengorat rotan dan menebas hutan

Kaum perempuan membuat pekerjaan berikut:

"Hoe sign for women"

1. Memasak
2. Memungut ubi-ubi dan akar-akar
3. Menyenai bencuh padi
4. Mengail ikan
5. Menjaga anak-anak
6. Membina hayak

Dalam pekerjaan di atas kita dapati bahawa pada praktiknya tidak ada bahagian yang jelas antara pekerjaan yang dilakukan oleh kedua-dua jantina tersebut. Orang-orang lelaki selalu membantu orang perempuan dalam kebanyakan kerja mereka. Dalam memungut buah-buahan, bencuh bijian, kaum lelaki bekerjasama. Orang perempuan memasak, orang lelaki tua tolong simpan serta keringkan barang-barang makanan. Rumah dibuat oleh kedua-dua pehak.

Terdapat juga pengkhususan di peringkat kanak-kanak berdasarkan umur dan jantina.

peringkat umur yang sama telung ibu mengajar adik di rumah,  
**TUGAS EKONOMI DAN KEGIATAN EKONOMI**

LelakiPerempuan

(3 hingga 6 tahun)

- |   |  |
|---|--|
| <b>1.</b> Tidak ada pada mulanya.<br>Mengikut keluarga berladang<br>menanam dan menuai. | Menjaga adik-adik kecil.<br>Tolong angkat air sungai<br>dan sapu sampah. |
|---|--|

(6 hingga 9 tahun)

- |  |  |
|--|--|
| <b>2.</b> Pekerjaan dan tugas mula<br>menetap. Menolong buat<br>rumah. Bantu menyemai dan<br>menuai. | Menyiapkan makanan dan<br>dan memasak, menyemai<br>dan menuai. |
|--|--|

(9 hingga 12 tahun)

- |  |  |
|--|--|
| <b>3.</b> Tolong ibu bapa mencangkul<br>dan membuat batas tanaman.<br>Tidak ada kebun sayur sendiri. | Semua kerja rumah tangga<br>dibuat - angkat air, masak<br>jaga adik kecil. |
|--|--|

(12 hingga 15 tahun)

- |   |   |
|---|---|
| <b>4.</b> Berladang, kawasan sendiri.<br>Bekerjasama dengan kaum<br>dewasa. | Kerja dapur, cari kayu<br>api, buah-buahan, ubi kayu. |
|---|---|

Nota: Tidak ada pengkhususan kerja selain daripada "domestic age and sex" - "division" dalam satu famili.

Dalam kehidupan sehari-hari kita dapat bahawa pengkhususan yang didapati dikalangan anggota kelompok ini lebih berdasarkan umur dan jantina. Kita dapat bahawa anak lelaki yang dalam lingkungan umur 3 hingga 6 tahun pada mulanya tidak membuat apa-apa pekerjaan. Apabila hampir 6 tahun mereka mulai mengikut ibu dan bapa mereka berladang, menanam dan menuai. Kanak-kanak perempuan pula pada

peringkat umur yang sama tolong ibu menjaga adik di rumah, mengangkat air dan membersihkan halaman rumah. Selalunya adalah tugas kaum lelaki untuk menggunakan teknongan yang berat-berat. Apabila umur mereka meningkat 9 tahun penghususan kerja lebih menetap. Anak-anak lelaki mulai membantu dalam membina rumah, menyemai dan menuai padi di ladang. Kanak-kanak perempuan pula menyediakan barang-barang makanan di rumah dan menasak. Mereka juga tidak ketinggalan dalam menolong membuat kerja berladang seperti menyemai bencuh serta menuai padi.

#### ~~Membina Rumah~~

Kanak-kanak lelaki yang berumur 12 tahun mulai mencangkul dan membuat batas tanaman sayur dan ubi kayu. Setakat ini mereka masih belum mempunyai kebun sayur sendiri. Kaum wanita yang dalam lingkungan umur yang sama telah diberi tugas membuat semua kerja rumah tangga; angkat air, masak serta menjaga adik-adik kecil senasa ibu mereka berladang.

#### ~~Buat kebun sayur~~

Kaum lelaki yang umurnya sekarang meningkat 15 tahun akan mula mempunyai kebun sayur sendiri untuk mereka kerjakan. Mereka juga diberi kawasan ladang sendiri dan sekarang sampailah masanya untuk mereka bergaul dengan orang-orang dewasa lain dan bekerjasama dalam berladang. Kaum perempuan yang meningkat umur yang sama selain dari melakukan kerja dapur mereka terpaksa mencari kayu api, buah-buahan dan ubi kayu. Kadang-kadang mereka juga pergi mengail ikan di sungai Ceka yang berhampiran.

Selepas meningkat dewasa pembahagian kerja yang lebih jelas boleh dilihat berdasarkan jantina. Selalunya adalah tugas kaum lelaki untuk mengerjakan pekerjaan yang berat-berat seperti nomburu, memotong pokok, membina hayak, membuat senjata, mengerat rotan dan mehebas hutan. Pekerjaan demikian memerlukan kekuatan yang banyak. Kaum perempuan yang telah dikenali sebagai kaum yang agak lemah hanya terdaya membuat pekerjaan seperti memasak, memungut ubi serta akar-akar, menyemai bencuh padi, mengail ikan, menjaga anak-anak kecil dan membina hayak.

Pada praktiknya pembahagian yang sebegini jelas tidak kelihatan dikalangan anggota kelompok Batek Ndong ini. Malahan yang selalu pengkaji dapati ada sifat yang saling bantu-membantu antara satu sama lain dalam kebanyakan bidang pekerjaan.

Hasil padi yang menuaskan adalah seperti berikut: Kalau hasil padi yang menuaskan ianya berjumlah kira-kira 1600 katи dari tanah seluas 12 ekar. Ini bermazana bahawa hasil seekar ialah kira-kira 133 katи. Sebaliknya kalau hasil padi seekar kurang daripada 60 katи maka ini dianggap sangat morusut hasilnya. Kadang-kadang kita dapati kawasan padi tersebut dibahagikan kepada beberapa plot keluarga. Kadang-kadang hasil plot satu keluarga lebih banyak dari keluarga yang lain. Ini boleh jadi disebabkan perbedaan kesuburan tanah masing-masing.

B. Penggunaan padi

Dalam padi yang dibangkit dalam sehari perk beras makan 1600 kati.

Dalam padi yang dibangkit dalam setiap hari perk beras makan 3,036 kati.

Dikalangan anggota kelompok Batek Ndong didapati keutamaan diberi kepada makanan nasi. Dalam sehari seorang dewasa baik lelaki atau perempuan selalunya makan sebanyak 6 tahil beras sekali waktu makan. Bagi kanak-kanak di bawah umur 14 tahun makan sebanyak 4 tahil.

Sebelum padi dimasak selalunya kaum wanita akan menumbuknya terlebih dahulu dalam lesong kayu. Ini akan mengasingkan isi padi dari hampasnya. Dalam tiap-tiap segantang padi selepas ditumbuk hanya 3 katи beras diperolehi. Jadi kita dapati hanya 1500 katи beras bersih daripada 1600 katи padi. Jadi kalau musim hasil padi merusut bagi misalannya dari 100 katи padi hanya diperolehi 75 katи beras bersih.

Dalam satu tahun kita boleh kira banyak mana beras yang diperlui oleh anggota kelompok ini. Dalam kelompok ini didapati 17 orang dewasa dan 8 orang kanak-kanak.

1 orang dewasa makan 6 tahil beras 1 hari.  
 Jadi 1 orang dewasa makan  $6 \times 365$  tahil beras 1 tahun.  
 Jadi 17 orang dewasa makan  $6 \times 365 \times 17$  tahil beras 1 tahun.  
 Jadi 17 orang dewasa makan 37,230 tahil beras 1 tahun.

1 orang kanak-kanak makan 4 tahil beras 1 hari  
 Jadi 1 orang kanak-kanak makan  $4 \times 365$  tahil beras 1 tahun,  
 Jadi 8 orang kanak-kanak makan  $4 \times 365 \times 8$  tahil beras 1 tahun,  
 Jadi 8 orang kanak-kanak makan 11,360 tahil beras 1 tahun.

Jumlah beras yang dimakan 1 tahun ialah 37,230 +  
11,360  
48,590 tahil

Jumlah dalam katи = 48590 = 3,036 katи

Hasil padi yang didapati dalam musim padi mewah adalah 1600 kati. Jumlah padi yang diperlui oleh 25 anggota 1 tahun adalah 3036 kati. Jadi di sini didapati bahawa mereka hanya dapat mengeluarkan setengah daripada beras yang diperlui untuk kegunaan sendiri. Oleh demikian mereka terpaksa membeli beras dari pekedai-pekedai Melayu yang berhampiran. Kadang-Kadang mereka hanya makan ubi-ubi yang mereka gali di hutan.

**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ANGGOTA BATEK NDONG  
DALAM BULAN MAC TAHUN 1973**

<u>Nama</u>	<u>Pekerjaan</u>	<u>Pendapatan</u> (1 minggu)	<u>Pendapatan</u> (1 bulan)	<u>Perbelanjaan</u> (1 bulan)
Bakok	Menoreh getah	\$12.50	\$ 25	\$ 24
Gundat	Menoreh getah	\$10.00	\$ 20	\$ 20
Batai	Mencari rotan	\$16.60	\$ 33	\$ 20
Balang	Mencari rotan	\$13.00	\$ 26	\$ 26
Teton	Mencari rotan	\$17.50	\$ 25	\$ 20
Chinwah	Mencari rotan	\$30.00	\$ 60	\$ 50
Tacing	Mencari rotan	\$10.00	\$ 20	\$ 20
Tet	Mencari rotan	\$14.00	\$ 28	\$ 24
Ban	Mencari rotan	\$14.50	\$ 29	\$ 20
Lipod	Mencari rotan	\$12.00	\$ 20	\$ 18
Weng	Mencari rotan	\$10.00	\$ 18	\$ 18
		<b>JUMLAH</b>	<b>\$ 305</b>	<b>\$ 260</b>

Daripada keterangan di atas kita dapat bahawa jumlah pendapatan kumpulan Batek Ndong sebulan adalah \$305. Jumlah perbelanjaan kumpulan Batek Ndong sebulan adalah \$260. Jadi baki bersih sebulan adalah \$45.

**Nota:** Kita boleh membuat kesimpulan bahawa anggota-anggota kelompok ini menggunakan wang dari pekerjaan mencari rotan dan menoreh getah untuk membeli beras dan bahan-bahan makanan lain untuk menampung keperluan hidup sehari-harian. Kita juga dapat melihat bahawa mereka membelanjakan wang sekadar yang mereka dapat dari pekerjaan nasing-nasing dan tidak lebih dari itu. Mereka juga memberitahu bahawa mereka tidak suka berhutang dengan pekedai-pekedai kerana bagi mereka hidup berhutang membawa berbagai-bagai kesusahan hidup.

Mengikut anggota lain dalam kelompok ini orang-orang asli lebih suka bekerja sendiri seperti menoreh getah dan mencari rotan di dalam hutan. Lebih-lebih lagi kerja-kerja tersebut tidak perlukan masa yang dijadualkan untuk pergi bekerja. Malahan mereka boleh pergi bekerja bila-bila masa mereka fikir patut. Mereka boleh mengambil cuti bila-bila masa mereka perlui.

Oleh demikian sekarang kita dapati anggota-anggota kelompok ini tidak lagi pergi makan gaji dengan taukeh-taukeh Cina. Mereka tidak lagi mahu bekerja seperti memikul batu besi di lombong-lombong, membasuh parit, drebar lori dan lain-lain. Mereka juga mengatakan bahawa kerja membasuh parit dari pukul 7 pagi hingga pukul 5 petang dalam panas terik amatlah penat serta panas dan wang sebanyak \$5.00 sehari yang diperolehi tidak mencukupi. Sebenarnya pada praktiknya adalah tabiat orang asli yang semula jadi memang tidak suka kopada apa-apa pekerjaan yang mempunyai masa kerja yang telah ditetapkan dan dinestikan. Sebagai satu kelompok yang suka berpindah randah maka mereka tidak suka menetap pada satu-satu tempat sahaja dan mereka juga tidak suka membuat satu pekerjaan sahaja. Mereka suka membuat beberapa pekerjaan pada bila-bila masa mereka suka. Pada pendapat mereka kerja sendiri lebih banyak mendatangkan wang dari makan gaji dengan taukeh Cina.

#### C. Sistem Pemasaran dan Peranan Orang Tengah

Dalam hal-hal bersangkutan dengan pemasaran dikalangan anggota kelompok ini didapati bahawa orang-orang tengah termasuklah

taukeh-taukeh Cina dan pekedai-pekedai Melayu memegang peranan utama.

Dalam penjualan yang digunakan telah nota singg.

**Kursus 4:** Selalunya kita dapati taukeh-taukeh Cina dari Benta dan Kuala Lipis di Pahang serta taukeh-taukeh dari Singapura yang menjadi pembeli utama semua hasil rotan kelompok ini. Mereka membeli dengan harga yang agak murah tetapi orang-orang Asli ini tidak boleh membuat apa-apa tindakan mereka tidak ada pembeli-pembeli lain yang sanggup membeli dengan harga yang tinggi. Dari segi ini didapati betapa ruginya pada pihak mereka-mereka ini yang hidupnya selalu tertidas.

**Kursus 5:** Dalam penjualan getah pula didapati peranan orang tengah ini dimainkan oleh orang-orang Melayu. Pekedai-pekedai Melayu selalunya membeli getah mereka dengan harga lebih rendah dari harga biasa. Bila disoal tentang perkara ini mereka mengatakan bahawa demikian rendahnya yang dibayar kerana mutu getah yang mereka perolehi amatlah rendah. Kadang-kadang bila diselidiki betapa benarnya kenyataan penulis dapati bahawa orang tengah menjual getah-getah tersebut dengan harga yang tinggi dan mereka sebenarnya yang dapat keuntungan yang banyak.

Hasil-hasil pertanian seperti padi huma tidak dijual dipasar melainkan ianya dikhaskan untuk kegunaan anggota-anggota kelompok Batek Ndong sendiri. Hasil-hasil pemburuan dan perikanan semuanya digunakan untuk makanan sehari-harian. Hanya sekali sekala sahaja mereka menjual binatang-binatang tangkapan

mereka seperti anak-anak monyet dan lain-lain.

tercetus. Gak faktor-faktor condidien bukti ini pernah

Dalam pemasaran yang digunakan ialah mata wang.

Mereka tidak banyak melakukan pertukaran barang dengan barang seperti yang dijalankan pada masa dahulu. Mereka sudah meletakkan nilai yang tinggi atas wang. Pada mereka seperti kepada masyarakat moden zaman sekarang wang memainkan peranan yang penting baik dalam bidang ekonomi dan sosial dan lain-lain.

yang dijalankan dengan menggunakan wang. Perihal ini dalam

Alat-alat buatan tangan juga ada dalam pasaran. Sumpitan merupakan alat-alat yang utama yang dijual. Selalunya buluh sumpitan ini dijual kepada orang-orang luar yang datang ke kelompok mereka samada membuat kajian atau hanya melawat. Harga yang mereka kenakan selalunya agak mahal sedikit.

Selalunya didapati harga jualan buluh sumpitan ialah dalam anggaran 20-45 ringgit sebuah. Alat-alat buatan tangan seperti tikar pernah di suatu masa dulu menjadi satu sumber ekonomi yang penting bagi kaum perempuan di sini. Harga satu keping tikar yang berukuran 4 kaki persegi ialah 2-3 ringgit. Tetapi sekarang kita dapat perusahaan ini telah lenyap dari pasaran. Mereka menyatakan bahawa bahan-bahan seperti daun mengkuang susah untuk didapati. Lebih-lebih lagi sekarang sudah banyak perusahaan tikar yang dilakukan oleh orang-orang Melayu di kampong yang berdekatan dan oleh demikian hanya tikar-tikar yang cantik anyamannya serta yang beraneka warna sahaja yang laiki di pasar. Selain dari itu mereka menyatakan bahawa adalah

susah untuk mereka hendak mendapatkan serbok warna-warni tersebut. Oleh faktor-faktor demikian hari ini perusahaan tikar amat sedikit sekali dan sungguhpun ada ianya hanya untuk pergunaan sendiri.

Dikalangan Masyarakat Orang Asli ini konsep wang telah lama juga memainkan peranan yang penting dalam bidang ekonomi dan sosial. Dalam bidang ekonomi semua jualan hasil pertanian yang dijalankan dengan menggunakan wang. Pertukaran dalam bentuk barang ditukar dengan barang tidak lagi ujud melainkan di antara mereka sesama mereka dalam kelompok ini. Keadaan demikian boleh dilihat semasa istiadat menuai padi di mana Batin tidak membayar upah kerja dengan wang tetapi dengan membahagikan hasil padi yang dituai itu.

Orang-orang Asli telah sedar serba sedikit betapa pentingnya wang dalam menjamin kehidupan masa ini dan masa depan masing-masing. Oleh ini terdapat dikalangan mereka konsep hendak berjimat cermat. Kalau di masyarakat kita orang-orang menyimpannya dalam bank atau simpanan pos tetapi dikalangan mereka tabung duit yang dibuat dari buluh menjadi tempat simpanan mereka. Orang-orang muda dalam kelompok ini bila ditanya sebab-sebab mereka menyimpan wang, maka ada menyatakan bahawa ini adalah perlu untuk mereka jika mereka ingin berunah tangga. Mereka juga menyatakan bahawa kalau tidak ada wang kaum perempuan tidak mahu berkahwin dengan mereka. Bentuk simpanan wang yang berlainan terdapat dalam bentuk barang-barang seperti radio di

mana pada suatu masa kelak bila mereka perlukan wang mereka boleh menjualkannya dengan pekedai-pekedai yang berhampiran. Mereka juga ingat untuk berjimat cermat untuk hari hujan bila kerja tergendala.

"What is important in the bridge relation is not the power of amodity here or there, but there is something long range and far,"

#### **Malay and Chinese society**

"The structure of a commodity involves culture and race. There is a certain kind of middle class and the middle class is changing and rapidly there are some changes in the middle class and there are some changes in the middle class, which is the middle class position for each particular racial, ethnic and cultural group."

“Sekiranya kita lihat dalam sifat-sifat tertentu dalam struktur sosial mengandungi kelebihan-kelainan hidup dalam pengaruh dan pemahaman mereka, ia” pun berkait dengan kedaikan-kedaikan budaya yang telah mengandungi bagus dan buruk-punca yang berkaitan dengan pengaruh peristiwa sejarah dan budaya dan faktor-faktor yang lain. Selalunya sekiranya kita lihat dalam sifat-sifat tertentu dalam struktur sosial mengandungi kelebihan-kelainan atau kekurangan-kurangnya dalam sifat-sifat tertentu ini mewujudkan hal-hal dengan pengaruh-pengaruh dalam faktor-faktor sosial. Perlu kenaikan sehingga sekiranya sifat-sifat tertentu dalam struktur-sosial “miskin”

1. *Marketing Policy in Asian Pacific Development, New York, McGraw-Hill, 1968, p. 18.*

## BAB IV

### KONSEP ORGANISASI SOSIAL

#### A. KONSEP ORGANISASI SOSIAL

"Sosial organisation is the ordered relation which the parts of a society have to each other, seen from a reasonably long range point of view."<sup>11</sup>

Walter Gold Schmidt says:

"the structure of a society involves two things - first, there is a division into smaller social units, which we call groups; and second, there are recognised social positions (statuses) and appropriate behaviour patterns to such positions (roles)."<sup>12</sup>

Oleh demikian mengikut pendapat Goldschmidt struktur sosial mengandungi bahagian-bahagian kelompok dalam masyarakat dan cara susunan mereka. "Statuses" pula memberi maana kepada tempat-tempat kedudukan sosial yang telah mempunyai tugas dan peranan-peranan yang menjalankan serta mempengaruhi perlakuan perhubungan individu dengan individu yang lain. Selalunya kesemua ini adalah kedudukan sosial seperti perhubungan perkahwinan, dan kelas-kelas atau kategori-kategori orang-orang berdasarkan kedudukan "marital", jantina, umur, pekerjaan dan sebagainya di mana kesemua kedudukan ini mempunyai kaitan dengan peranan-peranan dalam interaksi sosial. Pada keseluruhannya organisasi sosial ini termasuklah kedua-dua Struktur-dan "statuses".

<sup>11</sup> Service, E.R., Primitive Social Organisation, New York.  
Random House, 1962. m.s. 18.

<sup>12</sup> Ibid, m.s. 19.

#### B. Kesan Ekonomi ke Atas Organisasi Sosial

Orang-orang Negrito mempunyai cara hidup yang semata-mata mengenbara maka kita dapati bahawa organisasi sosialnya amatlah sederhana. Mereka mempunyai organisasi sosial yang simple seperti masyarakat "gesselshaft" di mana hubungan antara masyarakat erat dan mempunyai hubungan persamaan yang kuat. Selalunya organisasi sosial kelompok tersebut adalah dalam bentuk band dan horde.

Pada mulanya kelompok Batek Ndong ini adalah terdiri dari satu kelompok yang luas kira-kira 200 orang. Mereka ini merupakan satu horde. Horde ialah satu kumpulan besar yang mempunyai beberapa band. Satu band pula paling sedikit sekali mengandungi tiga generasi keluarga luas. Horde pula ialah satu microband.

Tiap-tiap satu band mempunyai seorang ketua. Mengikut sistem microband ada beberapa orang ketua yang mempunyai hiraku tertentu seperti dalam kelompok ini sejak beberapa tahun yang lalu. Kita dapati bahawa pola kepimpinan masa dahulu mempunyai banyak pecahan pangkat. Ada tujuh pangkat kesemuanya dalam satu horde. Ini terjadi boleh jadi kerana anggota kelompok yang lebih ramai dan kakitangan yang lebih diperlui untuk menjaga kemakmuran dan ketenteraman dalam semua bidang kehidupan horde. Kedudukan tersebut adalah seperti berikut: menteri Batin, Penghulu, Mukim, Mangku, Jukrah dan Panglima, Tugas-tugas

mereka adalah seperti berikut:

Jukrah: tugasnya ialah untuk mengarah orang atau suku kaum membuat kerja. Dia juga akan membahagikan orang kepada sektor pekerjaan. Iaitu pembahagian kepada kerja orang-orang perempuan dan lelaki.

Mangku: Sebagai penolong Jukrah dan boleh ambil alih tempat penghulu pada hal-hal kecil sahaja.

Mukim: Menjalankan peranan mudin serta kerja-kerja bomoh.

Penghulu: Menjalankan hal-hal berkaitan dengan aktiviti berladang dan menggerat rotan.

Batin: Mempunyai kuasa atas semua anggota kelompoknya. Batin dipilih oleh Datuk Besar. Ianya selalunya terdiri dari seorang yang mempunyai tuah-tuah yang istimewa, mempunyai kebolehan serta "personality" yang baik. Selalunya kedudukan Batin ini adalah diwariskan dari bapa kepada anak lelaki yang tua tetapi ini hanya sah kalau si anak itu mempunyai kebolehan seperti yang dikehendaki. Batin mempunyai surat kuasa dari Sultan Pahang.

Menteri: Mengambil alih kerja Batin kalau Batin tidak ada dalam kelompok.

### C. Organisasi Sosial Kelompok Batek Ndong

#### (i) Pola-pola pimpinan dalam nasyarakat "band"

Di kelompok Batek Ndong pada masa sekarang ini hanya dalam bentuk organisasi sosial band sahaja. Ini disebabkan oleh

anggota kelompok yang kecil bilangannya kerana horde yang dahulu telah berpecah-pecah kepada empat band kesemuanya. Mereka diketuai oleh hanya empat orang ketua sahaja berbanding dengan tujuh kedudukan yang ujud masa dulunya.

Koanggotaan satu-satu band adalah berdasarkan perhubungan darah dan perkahwinan. Orang luar dapat diterima masuk melalui perkahwinan. Semua anggota band tersebut mempunyai dasar hidup bersama di mana segala makanan dibahagikan kepada semua anggota kelompok tersebut. Keempat band tersebut adalah di bawah jagaan Batin, menteri, penghulu dan puteu. Keempat-empat band tersebut merupakan satu gabungan famili besar yang boleh dipanggilkan horde. Walau bagaimanapun band-band tersebut mempunyai ikatan sosial yang kuat dan perasaan kesatuan disebalik tempat kediaman yang berjauhan. Tiga dari band-band itu letaknya di Semetong dan yang satu lagi di Bukit Kelambu di bawah jagaan menteri. Tetapi kita dapati bahawa mereka tetap mempunyai perjumpaan sosial pada musim padi dan pada musim buah-buahan serta perkahwinan. Mereka perlukan gabungan tenaga buruh dalam masa-masa tersebut dan juga pada masa kematian.

Pada praktiknya kita dapati bahawa keempat-empat band tersebut diketuai oleh orang-orang berikut:

Batin: Menduduki susunan yang tertinggi sekali dalam organisasi sosio-politik kelompok ini. Tugasnya ialah untuk menjaga anak buah, menyelesaikan perbalahan, menetap, menyusun serta mengesahkan

perkahwinan. Dalam bidang ekonomi pula Batin menjadi "decision-maker" dengan menentukan bila, di mana, bagaimana, serta memberi arahan pembukaan sesuatu ladang. Dia akan menentukan pengkhususan sesuatu pekerjaan seperti siapa se sopatutnya menoreh getah dan mengerat rotan dan lain-lain. Dalam hal pemasaran pula dia akan berhubung dengan taukeh Cina dalam pemasaran rotan dan berhubung dengan pekedai-pekedai Melayu dalam pemasaran getah. Batin juga menjalankan aktiviti jampi serapah dalam menjauhi bala dan mala petaka serta untuk meninggikan hasil pertanian. Ini dilakukan dalam pembukaan ladang. Batin juga menentukan hari lepasan kerja.

**Monteri:** Menjadi penolong Batin dalam semua lapangan. Dia boleh mengambil alih tempat Batin kalau Batin tidak ada di kelompok tersebut.

**Penghulu:** Tugasnya ialah untuk menguruskan hak-hak anak buah. Dia menjadi hakim dalam menyelesaikan perbalahan sebelum hal tersebut dibawa kepada Monteri. Adalah tanggungjawabnya untuk menguruskan hal-hal ekonomi seperti membahagikan pekerjaan dan mencari rotan.

**Puteu:** Dia menjadi ketua upacara ritual dan mempunyai pengaruh yang kuat dalam hal-hal sosial, misalannya dalam hal perkahwinan dan ekonomi dan serapah dalam bidang sosial dan ekonomi. Misalannya dalam bidang ekonomi - membaca ayat-ayat dalam upacara membuka ladang, muuja tanah dan padi etc. dalam meninggikan hasil pertanian tersebut.

Pada peringkat yang lebih besar organisasi sosial mempunyai perbedaan dengan kumpulan-kumpulan yang lain. Orang-Orang Negrito selalunya bekerja secara perseorangan untuk memenuhi kehendak-kehendak masing-masing dan bekerja secara sekumpulan untuk perkara-perkara seperti upacara tari-menari, upacara pengkebumian dan sebagainya.

"Groups with no headman but a council of elders. These have been reported in the past with the Negritos but I have yet to meet a Negrito without a headman ....."<sup>13</sup>

Sebenarnya kelompok orang-orang Negrito telah didapati sebagai satu kelompok yang di bawah jagaan seorang ketua yang berwarisan. Ketua kelompok ini semata-mata pada dasar berladang di mana semua anggota sedikit sebanyak berkaitan dan ketua tersebut ialah ketua famili itu. Dalam kelompok ini ketua tersebut mempunyai kuasa meluas yang sepenuhnya dan dihormati oleh semua orang. Selain dari tugas-tugas yang disebutkan dahulu dia juga mempunyai hak dalam mendenda tiap-tiap anggota yang melanggar undang-undang sosial kelompok. Ketua ini juga menjadi pengurus kepada satu "conference" di mana sesiapa boleh mengemukakan pendapat-pendapat mereka sebelum sesuatu keputusan yang akhir dibuat.

#### (ii) Bukti-Bukti Band Patrineal

Dalam menentukan organisasi sosial sesuatu kelompok selalunya didapati bahawa faktor-faktor ekonomi memainkan peranan

<sup>13</sup> Willian Hunt, P.D.R., op cit m.s. 22.

yang penting. Seperti mana yang telah selalu kita ketahui ada teori yang mengatakan bahawa masyarakat yang mengamalkan aktiviti memburu mengikut arah patrilineal dan masyarakat yang mengumpul bahan-bahan makanan adalah lebih cenderung kepada arah matrilineal.

Dalam mempersoalkan hal ini kita dapat i bahawa

pembahagian yang begitu tegas tidak dapat dilihat dalam kelompok Batek Ndong ini dalam menentukan ianya khasnya band patrilineal atau matrilineal. Walau bagaimanapun ada bukti-bukti yang diperolehi yang memberi sokongan bahawa band Batek Ndong ini lebih cenderung ke arah patrilineal daripada matrilineal.

"Stewart lists the Semang as patrilineal, noting band exogamy and virilocal residence."<sup>14</sup>

Perkataan "exogamy" di sini memberi maana bahawa perkahwinan nestilah berlaku luar dari kelompok iaitu sebagai misalan kalau lelaki dari kelompok A mesti berkahwin dengan seorang perempuan dari kelompok yang lain dari A seperti kelompok B dan sebagainya.

Dalam band Batek Ndong ini didapati bahawa setiap orang lelaki yang berkahwin akan membawa isteri mereka tinggal bersama di kelompok ini. Ini telah menunjukkan unsur-unsur patrilineal

---

<sup>14</sup> Service, E.R., op cit m.s. 62.

di mana si isteri dan anak akan menetap di kelompok suami. Kalau si suami meninggal maka adik lelaki suami boleh menggantikan tempat abangnya yang sudah meninggal dan ini akan memberi kedudukan yang tetap pada anak dan isteri si mati pada kelompok di mana dia dikhawinkan. Sebaliknya kalau berlakunya "sororate" iaitu di mana isteri meninggal kita dapati bahawa adik perempuannya akan datang ke band ini untuk mengambil tempat kakaknya itu. Oleh demikian kita dapati bahawa undang-undang "reciprocal band exogamy" ini akan menguatkan lagi dan mengekalkan "reciprocity".

Kelompok Batek Ndong juga mempraktikkan cara warisan kuasa kepada anak lelaki. Ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh pihak lelaki.

Selain dari aspek-aspek patrilineal pada praktiknya boleh dikatakan bahawa undang-undang sosial ini tidak berapa ketat dipatuhi kerana ada hal-hal terjadi di mana mereka tidak menetap di dalam satu band sahaja. Bagi misalan anggota-anggota Batek Ndong seperti Tegoh dan seorang anak lelaki, Tanjong dan tiga orang anaknya, dan Yasaloq selalunya berpindah dari satu band ke band yang lain. Tegoh serta anaknya dan Tanjong dan anak-anaknya sekojap-kojap tinggal di band satu di bawah jagaan Batin Goncang dan mereka akan berpindah pula ke band empat di bawah jagaan Menteri. Yasaloq pula berpindah dari band dua kepada band satu di bawah Jagaan Batin terutamanya pada musim menuai padi. Ini kesemuanya dapat mengambarkan unsur-unsur "bilocal".

"Band society is closer to nature and controls it less than do higher levels of culture, and may therefore be assumed to be more directly influenced by the nature of the food supply available."<sup>15</sup>

#### *4. Pendidikan dan Peradaban.*

Sejak penduduk Dutch yang menguasai wilayah Sumatra pada tahun 1600-an mendirikan kerajaan Batavia, mereka selalu dan pastinya mengajak bangsa-bangsa lain untuk beradaptasi dengan keadaan di sana. Dapat juga diketahui bahwa sejak masa itu bangsa-bangsa lain yang belum pernah diajari tentang teknologi, seperti teknologi pertanian, teknologi pertambangan dan perdagangan laut pun mulai memperkenalkan teknologi mereka. Selain itu kerajaan Batavia juga memberikan pelajaran seni dan budaya dalam pertukaran "ilmu pengetahuan" atau ilmu pengetahuan teknologi.

Banyak orang berpendapat bahwa teknologi yang dikenal sebagai "teknologi Batavia" ini ada juga yang dikembangkan oleh peradaban yang bertumbuh seperti Hindu-Buddha yang ada di Cina, India, Thailand, Vietnam, dan lain-lain. Meskipun demikian, teknologi yang dikenal sebagai "teknologi Batavia" ini merupakan teknologi yang dikembangkan oleh bangsa-bangsa lain yang datang ke Batavia. Karena jika tidak sebagian besar teknologi yang dikenal sebagai "teknologi Batavia" ini berasal dari bangsa-bangsa lain yang datang ke Batavia.

15 Ibid, m.s. 72. Sangat menariknya, bahwa teknologi Batavia ini dibuat sebelum kerajaan Inggris.

## BAB V

### EKONOMI BATEK NDONG HARI INI

#### A. Rumusan Ekonomi dan Sosial Organisasi

Masyarakat Batek Ndong sekarang telah menuju ke arah kehidupan yang lebih menetap daripada masa-masa kebelakangan. Mereka bukan lagi pemburu dan pengumpul bahan-bahan makanan semata-mata seperti yang didapati oleh pengkaji-pengkaji Barat yang membuat kajian-kajian mereka pada tahun 1913 - William Hunt, Schebesta dan Skeat. Tetapi sekarang kita dapat bahawa mereka telah berjaya mencapai satu peringkat kemajuan ekonomi yang bersifat pertanian dan bukan pertanian. Mereka telah menjalankan aktiviti pertanian pindah dan padi huma merupakan tanaman yang utama. Selain dari itu mereka menanam sayuran seperti bende, terong dan lain-lain. Setakat hari ini kita dapat memberi penjelasan bahawa sistem ekonomi mereka ini hanyalah dalam peringkat "subsistence" atau ekonomi sara hidup.

Dengan ekonomi bercorak "sara hidup" ini ada juga aktiviti-aktiviti bukan pertanian yang dilakukan seperti menoreh getah dan nemotong rotan. Mereka juga tidak ketinggalan dalam memakan gaji dengan taukeh Cina dan orang-orang Melayu sebagai buruh kasar.

Walau bagaimana kita dapat bahawa taraf hidup mereka masih mengandungi ruang yang luas untuk diperbaikki.

Keadaan demikian adalah disebabkan oleh sifat teknologi yang serba tradisional dan ilmu pengetahuan dalam bidang pertanian yang sangat minima. Walau pun terdapat tanah dan tempat ~~ayam~~ perairan yang sesuai untuk pertanian, namun kekurangan ~~tanah~~ dan pengetahuan pertanian dan alat-alat teknologi moden tidak dapat menjamin tercapainya hasil pertanian yang banyak serta bermutu. Teknologi dan ilmu pertanian moden belum dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat Batek Ndong ini. Keadaan yang menyediakan dikalangan anggota-anggota kelompok ini ialah penyakit buta huruf. Boleh dikatakan dari benci yang dijalankan bahawa hampir kesemua daripada mereka ini buta huruf. Dari pada 30 orang terdapat dua orang lelaki dewasa yang dapat membaca sedikit. Ini hanya kerana tiga tahun lalu mereka pernah mengikuti kelas pelajaran dewasa yang diadakan di kampong Samak, kira-kira tujuh batu dari Bukit Kelambu. Tetapi hari ini sekolah dewasa ini telah lenyap sama sekali.

Keadaan buta huruf dan tempat tinggal yang terpencil ini merupakan beberapa dari faktor-faktor yang menyebabkan anggota-anggota kelompok ini enggan menerima atau lambat penerimaan mereka akan unsur-unsur moden dalam bidang pertanian. Mereka masih lagi waswas dalam menerima inovasi-inovasi baru yang digalakkan oleh kerajaan. Selagi nilai dan sikap serta ilmu pengetahuan baru tidak dapat meresap dalam jiwa mereka maka selama itulah mereka akan berpaut kepada metode pertanian tradisional yang mereka pusakai turun temurun dari nenek moyang.

Meninjau kepada alat-alat teknologi yang mereka gunakan hari ini tidak ada perubahan yang besar dari yang digunakan pada tahun 1913 dahulu. Yang jelas kelihatan hanyalah bertambahnya bilangan alat-alat yang diperbuat daripada besi dan berkurangnya alat-alat buatan kayu dan batu. Alat-alat besi ini termasuk parang, kapak, pisau, cangkul dan lain-lain.

Dalam masa kira-kiran 20 tahun yang lalu pertanian pindah dan aktiviti menoreh getah tidak ujud. Tetapi pada masa sekarang aktiviti-aktiviti ini merupakan sumber ekonomi yang penting selain dari mencari rotan. Alat-alat moden seperti mesin getah, pisau getah, palong dan cawan getah digunakan. Alat-alat tersebut adalah bantuan yang diberi oleh kerajaan kepada kelompok orang asli ini.

Bantuan kerajaan kepada kelompok Batek Ndong dalam tahun 1969:

Aktiviti Pertanian: 2 guni bencuh padil  
3,000 cawan getah  
15 bilah pisau  
15 palong getah  
2 buah mesin getah  
5 batu pengasah

Aktiviti Penternakan: 10 ekar kerbau.

Mengikut kemudahan-kemudahan yang diberi oleh kerajaan sepatutnya anggota-anggota kelompok Batek Ndong ini mendapat hasil yang memuaskan tetapi ini tidak sama pada apa yang dilihat sebenarnya. Semasa turut serta bersama-sama mereka dalam menjalankan aktiviti ini penulis dapatti bahawa cara-cara menoreh dan teknik yang salah

gunakan dalam menoreh dan membukukan serta memesinkan getah mereka yang mengakibatkan mutu getah keping mereka jauh lebih rendah dari yang dijangkai. Kadang-kadang terdapat susu getah yang mengalir bukan ke dalam cawan tetapi ke tempat lain dan ini merugikan hasil sebenarnya. Mutu getah yang rendah mendapat harga pasaran yang rendah. Yang lebih menyedihkan lagi keadaan ini ialah mereka juga menghadapi exploitasi dari orang tengah yang membeli hasil mereka. Kerana mereka buta huruf mereka sering ditipu dalam bentuk harga, sukatan timbang dan kiraan harga. Dari keterangan-ko keterangan ini kita boleh membuat kesimpulan bahawa selagi penyakit buta huruf tidak dapat dibasmi maka selama itu masyarakat Batek Ndong ini akan tetap menghadapi ancaman ekonomi dan discriminasi dari kaum tengah. Selagi sikap dan nilai mereka terhadap aktiviti ekonomi tidak digantikan dengan yang moden maka mereka akan tetap berada dalam peringkat ekonomi yang bercorak "subsistence" itu dan tujuan kerajaan dalam meninggikan taraf hidup mereka tidak akan tercapai.

Dalam bidang penternakan pula pengkaji tidak dapat melihat kerbau-kerbau yang diberi oleh kerajaan. Rupa-rupanya kerbau tersebut telah habis dijual kepada orang-orang Melayu yang berhampiran. Mengikut keterangan yang diberi oleh mereka kerbau-kerbau mereka selalu sahaja dicuri oleh orang-orang Melayu dan daripada hilang begitu sahaja baiklah mereka jaukan binatang tersebut. Mengikut Pegawai Jabatan Orang Asli di Kuala Lipis dalam penjualan tersebut orang asli menjualnya dengan harga

yang amat rendah. Ini amatlah merugikan tujuan-tujuan kerajaan dalam mengalakkan mereka menjalankan aktiviti perternakan. Oleh demikian sampai sekarang aktiviti ini tidak memadinkan apa-apa peranan dalam bidang ekonomi Batek Ndong.

Saya juga ingin menyentuh tentang sikap dan nilai kaum Batek Ndong terhadap pekerjaan. Daripada keterangan-keterangan yang diperolehi kesimpulan boleh dibuat bahawa masyarakat Batek Ndong keseluruhannya tidak menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi yang memerlukan masa yang ditetapkan dan mereka tidak berapa suka menjadi kuli. Mereka lebih mementingkan pekerja-pekerja di mana mereka menjadi "boss" sendiri dan mereka boleh bekerja bila-bila masa mereka fikir sesuai untuk diri mereka. Mengikut beberapa informen tertentu bekerja mencari rotan dan menoreh getah sendiri mendatangkan hasil yang lebih dari yang didapati dengan menjadi buruh kasar. Mereka juga mengakui bahawa bekerja sebagai buruh kasar sangat penat kerana bekerja di tengah panas. Mereka tidak dapat berhat kerana taukeh akan marah dan ini menyebabkan mereka suka bekerja di dalam hutan yang selalu redup dan banyak masa untuk berhat. Sifat semulajadi mereka yang hanya puas dengan "kais pagi makan pagi" kais petang makan petang". Itu tidak mendurung jiwa mereka berlumba-lumba antara satu sama lain dalam merebut kekayaan dunia. Oleh demikian tidak ada tenaga yang mendurung mereka mencari jalan baru dan memikirkan inovasi baru untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Sebaliknya bukan unsur-unsur "competition" yang

ujud tetapi "solidarity" yang erat menjalankan perhubungan yang saling bantu membantu antara satu sama lain baik dalam bidang sosial, ekonomi dan politik. Dengan keadaan demikian didapati stratifikasi sosial tidak ujud dikalangan masyarakat Batek Ndong ini. Semua anggota mempunyai harta yang hampir sama sahaja dan tidak ada perbedaan yang jelas dari segi ekonomi tetapi dari segi kedudukan sosial ujud perhubungan antara ketua dengan penduduk keseluruhannya.

Walaupun pada dasarnya kelompok Batek ini memandang rendah terhadap pekerjaan memakan gaji dengan taukeh Cina pengkaji dapati selama menjalankan kajian ilmiah ditempat ini ada dua orang lelaki dewasa yang pergi bekerja selama sebulan di Raub menakan gaji di ladang kelapa sawit. Ada juga seorang lain yang pergi menjadi buruh kasar di Krambit. Memandang kepada hal ini maka kita dapat nyatakan bahawa nilai mereka terhadap pekerjaan seperti ini mungkin telah beransur berubah mengikut peredaran masa. Berlebih-lebih lagi boleh jadi keadaan yang menaksa telah membuat sikap dan nilai mereka bertambah longgar. Selain dari ini kita dapatil kontek yang lebih luas dengan orang-orang Melayu sedikit sebanyak telah berjaya mempengaruhi perubahan sikap dan nilai mereka tentang pekerjaan tersebut.

Sambil berbual-bual dengan anggota kelompok ini pada masa petang saya dapat mencari sebab-sebab mengapa mereka enggan meninggalkan tempat mereka untuk bekerja di bandar untuk bekerja



Gambar 6: Kelihatan empat kanak-kanak perempuan (Batek Ndong, Sungai Ceka, Jerantut, Pahang) tersenyum gembira semasa bergambar di hadapan hayak mereka.



Gambar 7: Satu contoh kanak-kanak Batek Ndong yang menghidap sakit perut boncít kerana "malnutrition".

di gudang-gudang. Bila difikirkan sebab-sebab yang dikemukakan itu ada logiknya. Mengikut gulungan muda yang dalam lingkungan umur dua puluhan bahawa bekerja di tempat demikian bukan hendak mendatangkan kountungan tetapi masaalah yang berlipat ganda yang terpaksa mereka hadapi. Hidup mereka makin susah kerana barang-barang makanan mahal harganya di bandar. Untuk menampung kehidupan mereka akan terpaksa berhutang dan ini akan mengakibatkan kehidupan yang susah berpanjangan. Selain dari ini mereka juga mengatakan bahawa fikiran tidak akan tenteram seperti hidup di dalam hutan ini.

Dalam kehidupan sehari-hari selama sebulan tidak terdapat sebarang kelahiran bayi. Ini boleh jadi kerana tidak banyak ibu dewasa yang ada dalam kelompok ini. Lagiyun anak-anak yang ada masih kecil lagi. Kebanyakan dari ibu-ibu dalam kelompok ini telah meninggal dunia akibat melahirkan anak-anak tersebut. Boleh dibuat implikasi bahawa ibu-ibu tersebut meninggal kerana tidak dapat mengantikan kembali darah yang mereka hilang semasa melahirkan anak. Ini adalah kerana barang-barang makanan yang mereka perolehi dalam hutan itu tidak mengandungi zat yang cukup. Kadang-kadang kita dapati keadaan anak-anak orang asli yang hidup atas dasar "survival of the fittest" ini masih juga menghidapi penyakit perut boncit. Keadaan demikian disebabkan oleh "malnutrition". Tetapi dengan bantuan kerajaan dalam bidang perubatan kita dapati bahawa kadar kematian bayi tidak setinggi yang didapati sepuluh tahun yang lampau. Di kalangan orang-orang dewasa kadar kematian rendah sekali tetapi kita dapati orang-orang dewasa jarang-jarang sekali yang hidup sampai umur yang

lanjut. Nama Lige dan Singapore. Boleh dikatakan keseluruhan kontek ini menunjukkan berdasarkan hal-hal pernaraan bukan ekonomi. Dalam kehidupan sehari kita dapatti bahawa masyarakat Batek ini mempunyai susunan sosial yang simple dan cara dan susunan pimpinan yang teratur. Dalam kelompok yang mempunyai 25 orang ini boleh disusun berdasarkan umur, jantina dan rumah tangga. Famili nuklear merupakan bentuk yang sering didapati dalam rumah tangga kelompok Batek ini. Kadang-kadang terdapat juga bapa mentua yang tumpang hidup bersama dengan famili nuklear tersebut. Untuk mengatasinya, dia menjadi seorang baruk kepada masyarakat Batek Niang sebaiknya dilihat oleh penghulu. Dari segi pimpinan kita dapatti bahawa Batin memainkan peranan yang penting. Dia memegang jawatan sebagai "spokesman" untuk anggotanya. Walaupun pada dasarnya dia tidak mempunyai pejabat yang khas dan "executive power" seperti yang terdapat dalam bureaucracy moden zaman sekarang tetapi dikalangan kaumnya dia menjalankan tugas dengan kekuatan personilitinya sendiri. Pendapat dan kata-katanya disanjung tinggi dan dihormati oleh kaum tua, muda dan kanak-kanak. Batin juga menjadi orang perantaraan antara kelompoknya dengan orang luar dan segala kontek yang berlaku dalam jagaannya. Status Batin telah diakui oleh sultan Pahang dan dia diberi tugas untuk menyelesaikan segala masalah yang bersangkutan pant dengan kebudayaan, adat resam dan ugama. telah menyebabkan orang-orang miskin dari masyarakat ini dalam rumah atau dalam kota bertemu dengan orang-orang Melayu. Pada masa sekarang kontek sosial semakin meluas terutama dengan orang-orang Cina, Melayu dan taukeh-taukeh dari

Benta, Kuala Lipis dan Singapura. Boleh dikatakan keseluruhan kontek ini semata-mata berdasarkan hal-hal pemasaran hasil ekonomi. Anggota kelompok ini sangat bergantung kepada orang-orang tersebut untuk membeli hasil ekonomi mereka. Oleh demikian kita dapat i hubungan mereka ini tidak ubah seperti hubungan yang bercorak "patron client". Dalam hubungan demikian kaum asli ini tidak lenggang dari diskriminasi. Mereka sering ditipu oleh pembeli-pembeli dan ini membawa kepada hidup yang tidak mewah. Kadang-kadang mereka sedar kedudukan mereka yang tertindas tetapi mereka tidak mencuba untuk mengatasinya. Ini boleh jadi seburuk-buruk keadaan masyarakat Batek Ndong sebagaimana dilihat oleh pengkaji sendiri, tidak tentu lagi dirasai oleh kaum Batek sendiri. Kita boleh juga membuat satu implikasi bahawa sikap mereka yang pasif tersemat dijiwa mereka membuatkan mereka sentiasa berasa puas hati dengan apa-apa yang mereka dapati walaupun ianya hanya sekadar menampung hidup kais pagi makan pagi dan hidup kais petang makan petang.

Dalam bidang sosial pula orang asli dipandang rendah oleh orang-orang Melayu. Mereka dianggap sebagai satu kelompok yang kotor dan busuk. Kadang-kadang terdapat pula mereka-mereka yang seluruh badannya bersisik dengan kurap dan kudis dan mereka dipandang hina dan selalu diterawakan oleh orang-orang Melayu. Situasi demikian telah menyebabkan orang-orang asli lari menyuruk di dalam rumah atau dalam hutan bila bertemu dengan orang-orang Melayu. Mereka merasa diri mereka seolah-olah tidak setaraf dengan orang-orang Melayu tersebut. Rasa "inferiority complex"

ini telah menjauhi mereka mempelajari gaya hidup dan cara-cara ekonomi orang-orang Melayu. Tetapi pada masa-masa akhir-akhir penyelidikan ini dijalankan didapati bahawa perhubungan antara orang Melayu dengan orang asli sudah beransur baik. Orang-orang Melayu telah mula memperbaikti sikap dan nilai nasing-nasing terhadap kaum Batek Ndong ini. Mereka telah diajar cara bercucuk tanam seperti yang dijalankan oleh orang-orang Melayu yang tinggal di kampong Samak.

#### B. Tinjauan Unsur-Unsur Pemodenan dan Polisi Kerajaan dalam Bidang Ekonomi.

Kerajaan telah cuba menyediakan beberapa kemudahan bidang sosial dan ekonomi untuk meninggikan lagi taraf hidup masyarakat orang asli kerana sebagai bumiputra negara ini mereka berhak menerima bantuan tersebut. Kerajaan Malaysia telah menyebarluaskan bantuan kepada semua kelompok orang asli di Malaysia. Mereka diberi kawasan perumahan, rawatan perubatan percuma dan persekolahan percuma juga.

#### Batek Ndong 201.

Semasa menjalankan kajian dikalangan Batek Ndong ini saya dapati kemudahan-kemudahan yang terdapat di sini tidaklah sebanyak seperti yang terdapat dikalangan kaum Jahut yang tinggal kira-kira 12 batu jauhnya dari Bukit Keladi ini. Dikalangan masyarakat ini bantuan dalam bidang ekonomi boleh dikatakan memadai dan kemudahan rawatan kesihatan terdapat juga tetapi iaanya pada pendapat saya tidak mencukupi. Kemudahan perumahan dan persekolahan tidak sampai di sini dan ini boleh jadi kerana

anggota kelompok ini sangat kecil bilangannya dan lebih-lebih lagi kelompok kecil ini tidak berapa "significant" dibandingkan dengan kelompok orang asli lain yang berganda-ganda bilangan penduduknya. Bantuan teknologi dalam bentuk alat-alat pertanian dan tunjuk ajar dalam cara pertanian yang diberi masih tidak mencukupi pada pendapat pengkaji. Pengkaji berpendapat bahawa masih banyak lagi "room for improvement" di mana pegawai dan kakitangan Jabatan Orang Asli Kuala Lipis boleh menyumbangkan tenaga serta pengetahuan dalam membimbing orang-orang asli ini ke arah mencapai taraf hidup yang lebih tinggi supaya dapat menduduki garisan hidup yang sama atau hampir-hampir sama seperti bumiputra-bumiputra lain di negara ini. Hanya dengan cara demikian sahaja tujuan kerajaan untuk meninggikan taraf hidup orang asli akan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Dalam hal pemasaran pula adalah lebih baik jika kakitangan kerajaan dapat menentukan keadaan pemasaran supaya kaum orang asli ini tidak lagi ditindas dan diexploitasikan oleh orang-orang tengah.

Tindakan sedemikian rupa sahaja dapat menjamin masa depan masyarakat Batek Ndong ini. pengkaji juga ingin melihat bagaimana

sebagitu rupa telah motif sebenar dapat memperbaiki struktur dan organisasi sosial kaum Batek ini. Dalam artikat leluwuk adalah elemen yang bercorak "subsistensi" dan berpindah-pindah itu telah menyebabkan organisasi sosial yang lebih condong ke arah masyarakat patriarkal.

Batalkah selesa kajian ilmiah dilakukan di dapat. Bahawa kaum Batek ini lebih condong kepada corak band patrilokal.

## BAB VI

## PENUTUP

Dalam keseluruhan tesis ini perbincangan berpusat kepada sistem ekonomi dan meninjau sepintas lalu tentang kesannya ke atas organisasi sosial kaum Batek ini. Dalam sistem ekonomi ini perkara-perkara yang diperhatikah termasuklah metode pengeluaran penggunaan dan pemasaran. Pada masa yang sama penulis juga memerhatikan alat-alat teknologi dan pengetahuan pertanian yang digunakan. Pengkaji juga cuba melihat unsur-unsur pemodenan yang berlaku sekarang berbandingan dengan apa yang ada pada masa penyelidikan yang dilakukan oleh William Hunt, Schebesta dan Skeat dalam tahun 1913. Mereka-mereka tersebut menjalankan penyelidikan ke atas suku bangsa kelompok yang sama iaitu Batek Ndong, Ulu Ceka, Pahang. Hanya yang berbeza ialah bilangan anggota kelompok pada masa itu jauh lebih besar dari sekarang.

Selain daripada ini pengkaji juga ingin melihat bagaimana keadaan ekonomi yang sebegini rupa telah sedikit sebanyak dapat mempengaruhi struktur dan organisasi sosial kaum Batek ini. Dalam ertikata lain adakah ekonomi yang bercorak "subsistence" dan berpindah randah itu telah menyebabkan organisasi sosial yang lebih cenderung ke arah masyarakat patrilineal.

Setelah selesai kajian ilmiah dilakukan didapati bahawa kaum Batek ini lebih cenderung kepada corak band patrilokal.

Bukti-bukti yang dapat mempertahankan kenyataan tersebut boleh dilihat dari segi tempat tinggal selepas perkahwinan, perkahwinan berdasarkan "exogamy" dan warisan pimpinan kepada pihak lelaki. Walau bagaimanapun pembahagian yang sejelas-jelasnya tentang pembahagian kelompok ini senata-nata sebagai patrilineal tidak ujud kerana dengan peredaran masa terdapat unsur-unsur akulturasi di mana penekanan dua belah pihak ujud seperti dalam pembahagian harta dan tempat tinggal. baru dalam pertanian. Ia sebaliknya akan menimbulkan sikap untuk berlimbah untuk membangun hasil yang banyak dan Corak pertanian yang "subsistence ini serta teknologi yang tidak berapa moden ini telah membuatkan ekonomi yang hanya dapat menampung sara hidup sahaja. Ekonomi yang bercorak pertanian pindah pula telah menbenarkan sistem pimpinan yang amat sederhana ujud di mana seseorang ketua yang digelar Batin menjalankan kuasanya bukan secara yang dijalankan oleh parti politik zaman sekarang yang di "characterised" oleh "emblem of office", "executive power" dan "rule of law" tetapi dia memerintah melalui personaliti sendiri.

Keadaan ekonomi ini susah hendak diubahtan agar ianya meninggalkan sifat-sifat tradisional yang turun temurun dan mengambil alih sifat-sifat moden yang serba membangun kerana keadaan yang buta huruf keseluruhan masyarakat Batek ini melambatkan penerimaan unsur-unsur baru dalam bidang teknologi dan pertanian. Kadang-kadang didapati oleh kerana tidak pandai menggunakan teknik-teknik baru yang dipertunjukkan oleh kakitangan kerajaan menyebabkan hasil pengeluaran mereka yang jauh dari menuaskan dan

rendah pula mutunya.

#### BIBLIOGRAPHY

Untuk mengatasi masaalah tersebut adalah berfaedah sekiranya kita dapat pada terutamanya menukar sikap dan nilai hidup kaum orang asli ini. Kita cuba membuka mata mereka agar mereka sedar keadaan hidup yang mereka hadapi sekarang supaya mereka akan mempunyai azam untuk mencari jalan baru dan mempelajari metode-metode baru dalam pertanian. Ini sebaliknya akan menimbulkan sikap untuk berlumba untuk mendapat hasil yang banyak dan bermutu tinggi dan ini akan membawa kepada pendapatan yang lebih tinggi dari garisan "subsistence" tadi.

Hanya demikian sahaja segala tujuan kerajaan dan anggota kelompok tersebut untuk meninggikan taraf hidup orang asli Batek Ndong akan berjaya.

## BIBLIOGRAFI

- Balston, Malayan Blowpipe Construction. Bulletin No. 4, M.S. 493.
- Brace, T.C., Orang Melayu dan Melayu di Seluruh Dunia.
- Bennitt, J.W., The Study of Cultures: A Survey of Technique  
And Methodology in Field Work. American Anthropologist,  
 Sociological Review, Vol. 19. 1964.
- Burling, Hill Farms and Padi Field, London Englewood  
 Cliffs N.J. Prentice Hall, 1965.
- Dentan, R.K., Senoi-Semang, Di dalam F.N. Lebar et. al., (ed)  
 Ethnic Groups of Mainland Southeast Asia. New  
 Haven, 1964.
- Endicott, K., Blowpipe Construction on the Leber River, Kelantan,  
 Federated Museums Journal, Vol. XIV, K. Lumpur.
- Parsons, T. Government Press, 1969.
- Evans, Ivor H.N., The Negritos of Malaya, Cambridge. Cambridge  
 University Press, 1937.
- Firth, R., Elements of Social Organisation, London. Watts and  
 Co., 1963.
- \_\_\_\_\_, Themes in Economic Anthropology, London. Tavistock  
 Schmidt, Publ. Publication, 1967
- Goode, W.J. and Hatt, P.K. Method in Social Research, New  
 York. McGraw-Hill Series in Sociology, 1952.
- Hairi bin Abdullah, Proses Pembandaran Orang-Orang Melayu Ke  
 Bandar Maharani, Universiti Malaya, Kuala Lumpur,  
 1971.
- Hast, E.W. and Blagdon, G.O., Pagan Tribes of the Malay Peninsula  
 Vol. I, London. Macmillian and Co. 1906.

- Holttum, Malayan Blowpipe Bamboos, Kew Bulletin No. 4, m.s. 493.
- Iskandar, Y.C., Orang Asli Tanah Melayu dan Masa Depannya,  
Ministry of National and Rural Development, Malaysia.
- Mazidah Zakaria, Susunan Ekonomi dan Sosial Kampung Changkat Larang, Kawasan Simpanan Melayu, Perak. M.A.  
Tesis Universiti Malaya, 1967.
- Ministry of National and Rural Development, Malaysia, A Brief Note On Orang Asli of West Malaysia and Their Administration.
- Noone, Notes on the Trade in Blowpipes and Blowpipe Bamboo in North Malaya Federated Museum Journal Volume I and II, K. Lumpur. Government Press, 1955.
- Parsons, T. and Smelser, N.J., Economy and Society, London. Routhledge and K. Paul, 1956.
- Redfield, R., Primitive World and its Transformation, New York. Cornell University Press, 1953.
- Schebesta, P., Among the Forest Dwarfs of Malaya, London. Hutchinson, 1927.
- Schmidt, Primitive Races of Mankind New York, Kraus Reprint Co., 1971.
- Service, E.R., Hunters and Gatherers, London Englewood N.J. Prentice Hall, 1966.
- Primitive Social Organisation, New York, Random House, 1962.
- Skeat, W.W. and Blagden, C.O., Pagan Races of the Malay Peninsula Vol. I, London. Macmillian and Co. 1906.

Slimming, J., Temiar Jungle, The Travers Book Club, London.

John Murray Publisher, 1958.

Spencer, J., Shifting Cultivation, Berkeley. University of California Press, 1966.

Thurnwald, R., Economics in Primitive Communities, Netherlands.

Anthropological Publications Oxford University Press, 1965.

Wilkinson, R.J., The Aboriginal Tribes, Journal of Federated Malay States.

Williams; Hunt, P.D.R., An Introduction to the Malayan Aborigines, Kuala Lumpur. Government Press. 1952.